

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2022

FAKULTI SAINS KESIHATAN  
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN  
PENGKOMERSILAN

---

**KETUA PTJ :**

ZULKHAIRI BIN AMOM

**KETUA UNIT KUALITI :**

EMIDA BT MOHAMED

**PENYELARAS :**

EMMY HAINIDA BINTI KHAIRUL IKRAM

**PENULIS :**

1. EMIDA BT MOHAMED
2. NUR ATIQA BINTI AZMAN
3. SYAHRUL BARIAH BINTI ABDUL HAMID
4. FATIM TAHIRAH BINTI MIRZA MOHD TAHIR BEG
5. SUHANA BINTI SULAIMAN
6. NUR ARESYA BINTI AHMAD NAJMEE
7. NAZRI BIN CHE DOM

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Peranan FSK telah menjadi nadi penggerak dalam melaksanakan sistem pendidikan dalam bidang kesihatan merangkumi aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang disokong ke arah kurikulum dinamik, tenaga kerja kompeten, beretika, komited dan berpengetahuan serta prasarana kondusif sejajar dengan perkembangan teknologi terkini.

**Perancangan:** Bagi memastikan matlamat ini tercapai, kepimpinan FSK telah membuat transformasi dalam pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan selari dengan merealisasikan tema strategik penyelidikan seperti yang termaktub di dalam dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Pelan Strategik UiTM2025. **Pelaksanaan:** Bagi melancarkan perancangan dan hala tuju penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, tadbir urus PJI FSK telah menggunakan tiga (3) pendekatan utama iaitu People, Process dan Technology dibawah 3 P's organizational performance dan Research Excellence Framework dalam menjayakan tranformasi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan selari dengan hala tuju Universiti dan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kepimpinan PJI FSK sebagai satu medium pengantara antara staf dan barisan kepimpinan tertinggi FSK sentiasa melakukan komunikasi dua hala secara berkala melalui mesyuarat MPE, pekelling dekan, laporan, buletin wacana FSK, surat, e-mel, papan kenyataan, majlis dialog, media sosial seperti laman sesawang FSK dan kumpulan WhatsApp Akademik bagi melaksanakan kesemua inisiatif perancangan strategik. FSK juga mempunyai beberapa set paparan skrin bagi menyampai maklumat secara digital, lebih cepat dan berkesan. Program pemantapan bagi staf yg tidak aktif dan memperkukuhkan task force MYRA FSK merupakan strategi untuk meningkatkan Skor Myra 2019-2021. **Pemantauan:** Pemantauan dilaksanakan bagi meningkatkan penyampaian dan penghasilan output yang memberi nilai tambah dan berdaya saing serta relevan disemua peringkat. Kepimpinan PJI telah berjaya memenuhi keperluan warga UiTM dalam menyediakan bidang tumpuan pilihan yang jelas bagi menunjukkan peranan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan adalah relevan dan selari dengan hala tuju Universiti dan juga Kementerian. Selain itu, kepimpinan PJI menggunakan Model Sasaran Operasi melalui mekanisma empat (4) komponen penting yang dikenali dengan singkatan POLC iaitu Merancang (P – Planning), Mengelola (Organizing - O), Memimpin (Leading – L) dan Mengawal (Controlling – C). **Penambahbaikan:** Bidang tumpuan dibuat perancangan dengan teliti mengikut agenda Fakulti dan UiTM, diurus dan ditambahbaik melalui tindakan pembetulan, kajisemula atau digugurkan projek. Kepimpinan PJI FSK dapat mengenalpasti risiko dan mengelakkan kegagalan dengan memastikan pengawalan dan pemantauan secara sistematik dan penambahbaikan berterusan dan juga mengkaji semula peranan dan fungsi setiap 5 unit dibawah PJI secara berkala bagi mencapai matlamat yang dirancang.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Peranan FSK telah menjadi nadi penggerak dalam melaksanakan sistem pendidikan dalam bidang kesihatan yang disokong kearah kurikulum dinamik, tenaga kerja kompeten, beretika, komited dan berpengetahuan serta prasarana kondusif sejajar dengan perkembangan teknologi terkini. Selari dengan itu, pelaksanaan penyelidikan dan perundingan kesihatan yang memacu pembangunan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menjurus ke arah peningkatan kesihatan dan sosio ekonomi masyarakat juga menjadi hala tuju bagi pengembangan ilmu dalam menjadikan warga fakulti dan warga universiti berpengetahuan tinggi dan menjadi tempat rujukan di dalam dan luar negara.

Bagi memastikan matlamat ini tercapai, FSK telah membuat transformasi dalam pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkormesilan selari dengan merealisasikan tema strategik penyelidikan seperti yang termaktub di dalam dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) serta Pelan Strategik UiTM2025.

Bagi melancarkan perancangan dan hala tuju penyelidikan, penerbitan dan pengkormesilan, Tadbir urus PJI FSK telah menggunakan (3) tiga pendekatan utama iaitu *People*, *Process* dan *Technology* dibawah *3 P's organizational performance* dan *Research Excellence Framework* dalam menjayakan tranformasi Penyelidikan, Penerbitan Dan Pengkormesilan selari dengan hala tuju Universiti dan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

### 1. Pendekatan *people*

Pemeriksaan kesemua 5 unit dibawah bahagian penyelidikan dan penjarangan industri telah menggerakkan dan melaksanakan program dan bengkel yang dirancang.

Pemeriksaan kompetensi staf dilaksanakan dengan Mengenalpasti penyelidik bagi memohon geran dalaman.

Antara kategori yang boleh dikenalpasti adalah:

- Pensyarah yang telah tamat PhD kurang 5 tahun
- Pensyarah yang berkhidmat 5 tahun

Menyasarkan pensyarah yang baru melapor diri untuk menghasilkan minimum 2 jurnal berindeks dibawah program FSK RISING STAR.

Menyasarkan pensyarah menghasilkan sekurang-kurangnya satu jurnal berindeks setahun dibawah program FSK HERO: *Satu pensyarah satu jurnal berindeks* yang dilaporkan pada pelaporan akhir PI.

### 2. Pendekatan *process*

Perancangan penyediaan bajet tahunan yang komprehensif melalui bagi tahun 2019-2021 di dalam memastikan projek-projek inisiatif FSK dapat dilaksanakan secara berkesan bagi menghasilkan penyelidikan, penerbitan dan pengkormesilan yang cemerlang.

FSK turut sama mengambil langkah pendekatan penjimatan dalam aspek kewangan selaras dengan Amanat Naib Canselor. Contohnya, bengkel penulisan dan *proof read* yang melibatkan Unit Penerbitan, Perundingan & Kecemerlangan, di mana ianya telah dilaksanakan secara *in-house*.

Dalam usaha meningkatkan penerbitan dikalangan staff, FSK telah menyediakan inisiatif penerbitan *in house* melalui penerbitan Jurnal 'Health Scope' yang telah dilancarkan pada tahun 2019 oleh Rektor Universiti Cawangan Selangor. Ini adalah menyokong kepada keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan penerbitan dikalangan staff. Selain itu, pada tahun 2020 dan 2021, FSK telah bekerjasama dengan UPM untuk bersama-sama dalam penerbitan melalui Jurnal *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences* dengan scopus indeks. Input

dari ni telah dapat menerbitkan 46 artikel penyelidikan pada tahun 2021.

### 3. Pendekatan *technology*

Proses kerja juga dikaji semula berdasarkan perspektif Industrial Revolution (IR 4.0) yang bertujuan memantapkan perkhidmatan 5 unit dibawah bahagian penyelidikan dan penjarangan industry. Data untuk setiap perincian dalam bidang penyelidikan dan penjarangan Industri dikumpul dalam satu medium data online dalam penyediaan perkhidmatan yang lebih interaktif.

Maklumat sumber ilmu dan maklumat secara digital akan diwarkan melalui medium aplikasi perisian dan juga didalam web kepada warga Fakulti dan luar fakulti yang merangkumi koleksi hasil kepakaran FSK.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_K01\\_KB02\\_20221\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.2.1.pdf](#)
2. [F0042\\_K01\\_KB02\\_20222\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.2.2.pdf](#)
3. [F0042\\_K01\\_KB02\\_20223\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.2.3.pdf](#)
4. [F0042\\_K01\\_KB02\\_20224\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.2.4.pdf](#)
5. [F0042\\_K01\\_KB02\\_20225\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.2.5.pdf](#)

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Dalam merangka perancangan dan perluasan yang baik, ia perlu didasari dengan halatuju kerajaan yang memberi fokus kepada bidang tumpuan di institusi pengajian tinggi (IPT) merangkumi aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

Pelaksanaan inisiatif perancangan strategik (Bukti 1.3.1).

#### UiTM:

Pelan Strategik UiTM 2025

Objektif Kualiti FSK 2020-2025

#### Kebangsaan:

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)

Malaysian Education Blueprint 2015-2025

Shared Prosperity Vision 2030

National Policy on Industry 4.0

Global Goals for Sustainable Development

Bagi melaksanakan objektif dan inisiatif yg dirancang, program pemantapan bagi staf yg tidak aktif serta memperkukuhkan task force MYRA FSK merupakan strategi untuk meningkatkan Skor Myra 2019-2021 (Bukti 1.3.2).

Ini merupakan Strategi FSK bagi mempertingkatkan 3 bahagian utama MYRA iaitu:

Mempertingkatkan kuantiti dan kualiti Penyelidik

Mempertingkatkan kuantiti dan kualiti Penyelidikan

Mempertingkatkan kuantiti dan kualiti Pascaiswazah

Kursus kolaborasi dengan Industri, IPTA/IPTS dan MOU/MOA telah dijalankan sejajar dengan peningkatan kuantiti dan kualiti penyelidik yang menjana kewangan dan visibiliti FSK diperingkat UiTM, kebangsaan dan global (Bukti 1.3.3).

Kursus-kursus dalam dan luar negara juga telah diwar-warkan melalui medium emel, majlis dialog, laman sesawang FSK dan kumpulan Whatsapp Akademik FSK sebagai salah satu strategi untuk menambah kepakaran FSK dalam perundingan dan inovasi produk diperingkat kebangsaan dan global (Bukti 1.3.4).

Perluasan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik telah memberi impak kepada Skor MyRA FSK yang meningkat daripada 48.69-54.61 pada tahun 2019-2020 kepada 61.47 pada tahun 2021. Lonjakan dari 3 ke 4 bintang. Selain itu, perluasan pelaksanaan ini juga telah menghasilkan pencapaian 90% (6 bintang (85-100%)) untuk Performance Indicator Faculti bagi tahun 2021 (Bukti 1.3.5).

### **SENARAI BUKTI :**

- 
1. [F0042\\_K01\\_KB03\\_20221\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.3.1.pdf](#)
  2. [F0042\\_K01\\_KB03\\_20222\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.3.2.pdf](#)
  3. [F0042\\_K01\\_KB03\\_20223\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.3.3.pdf](#)
  4. [F0042\\_K01\\_KB03\\_20224\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.3.4.pdf](#)
  5. [F0042\\_K01\\_KB03\\_20225\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepimpinan FSK telah mengambil inisiatif dengan merangka model pelan pemantauan kepimpinan bagi memastikan kejayaan sesuatu projek inisiatif serta dapat mengenalpasti punca-punca kegagalan yang berlaku. Pendekatan pemantauan strategik PDCA (Plan, Do, Check, Action) digunapakai bagi memastikan bidang tumpuan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui mekanisma pelbagai bentuk mesyuarat dan perbincangan di peringkat jabatan dan diperingkat fakulti yang dijalankan mengikut ketetapan mesyuarat. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan akan dilakukan sekiranya terdapat masalah-masalah yang timbul supaya bidang tumpuan mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan (Bukti 1.4.1.1).

Bagi menggerakkan dan melancarkan pengurusan kepimpinan Pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkormesilan di peringkat Fakulti dan UiTM, pemantauan dilakukan melalui Mesyuarat Pengurusan FSK UiTM. Selain itu, beberapa siri perjumpaan dan perbincangan secara tidak berjadual sama ada melalui e-mel, telefon, telesidang, bengkel atau taklimat dan saluran media sosial diadakan dari semasa ke semasa. Segala analisa pelaporan projek inisiatif dinilai dan dibuat kaji semula sekiranya terdapat masalah bagi mengelakkan berlaku kegagalan (Bukti 1.4.1.2 dan 1.4.1.3).

Ini merupakan Strategi FSK bagi mempertingkatkan visibiliti diperingkat Universiti, Kebangsaan dan Global (Bukti 1.4.1.4 dan 1.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20221\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.1.1.pdf](#)
2. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20222\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.1.2.pdf](#)
3. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20223\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.1.3.pdf](#)
4. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20224\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.1.4.pdf](#)
5. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20225\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.1.5.pdf](#)



## **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

PJI FSK menggunakan Model Sasaran Operasi melalui mekanisma empat (4) komponen penting yang dikenali dengan singkatan POLC iaitu Merancang (P – Planning), Mengelola (Organizing - O), Memimpin (Leading – L) dan Mengawal (Controlling – C) (Bukti 1.4.2.1).

Kepimpinan PJI memastikan bidang tumpuan dibuat perancangan dengan teliti mengikut agenda Fakulti, UiTM, kebangsaan dan global diurus dan dipantau melalui tindakan pembetulan, penambahbaikan, kajisemula atau digugurkan projek. Kepimpinan PJI dapat mengenalpasti risiko dan mengelakkan kegagalan dengan memastikan pengawalan dan pemantauan secara sistematik dan penambahbaikan berterusan dan juga mengkaji semula peranan dan fungsi setiap 5 unit di bawah PJI secara berkala bagi mencapai matlamat yang dirancang. Kepimpinan PJI memberi penekanan kepada operasi penggubalan, pelaksanaan dan penilaian strategi yang ditetapkan dalam memastikan perancangan yang dibuat tercapai (Bukti 1.4.2.2 dan Bukti 1.4.2.3).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20221\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.2.1.pdf](#)
2. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20222\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.2.2.pdf](#)
3. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20223\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.2.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan kecemerlangan terhadap bidang tumpuan sentiasa dapat dijana dengan baik, fakulti menggariskan 3 langkah untuk memperkasa tahap MyRA fakulti. Pertama adalah mempertingkatkan kuantiti dan kualiti penyelidik. Kedua adalah menambahbaik kuantiti dan kualiti penyelidikan. Ketiga adalah memperbaiki kuantiti dan kualiti pascasiswazah (Bukti 1.4.3.1).

Selain itu, untuk meningkatkan motivasi para staf akademik fakulti, pemberian insentif dan dana khas juga telah dilaksanakan (Bukti 1.4.3.1). Langkah ini akan dapat menampung sokongan kewangan dalam aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Apabila dianalisa, sememangnya penglibatan staf akademik fakulti dalam pelaksanaan aktiviti penyelidikan masih lagi di tahap yang lemah, dan terdapat juga beberapa staf yang tidak mahu terlibat langsung dalam penyelidikan. Justeru, situasi seumpama ini, boleh diatasi dengan melaksanakan program pemantapan khas bagi staf akademik yang tidak aktif. Contohnya, mengadakan bengkel dan ceramah untuk menggilap kemahiran dalam menggerakkan penyelidikan.

Disamping itu, proses penambahbaikan terhadap bidang tumpuan ini dapat direalisasikan apabila satu jawatankuasa khusus atau pun 'taskforce' terbentuk bagi memantau keseluruhan strategi yang telah dirangka di peringkat dasar. Ia penting kerana, banyak masalah yang berlaku, disebabkan tiada jawatankuasa pemantau khusus terhadap prestasi staf akademik dalam bidang penyelidikan. Tidak dinafikan, dalam sebuah fakulti, pasti ada staf yang sangat hebat dalam kerja-kerja penyelidikan, begitu juga ada yang berprestasi sederhana dan juga ada sebahagian staf yang sangat lemah dalam tugas penyelidikan. Jadi, semua staf hakikatnya perlu bergerak dalam satu pasukan, maksudnya staf yang hebat hendaklah membantu staf yang lemah dan pastinya staf yang lemah perlu menyedari mereka sendiri perlu bersedia untuk dibantu, supaya semua staf berpeluang untuk mendapat impak terbaik dalam kerjaya selaku ahli akademik di universiti (Bukti 1.4.3.2).

Begitu juga, apabila diteliti perkara asas dalam permohonan geran penyelidikan masih lagi tidak dapat dipenuhi dengan baik. Beberapa aspek teknikal, seperti objektif projek yang tidak jelas, seringkali membataskan permohonan geran daripada staf fakulti untuk diluluskan. Ini merupakan sesuatu yang sangat merugikan, ia sebenarnya boleh diperbaiki dengan penganjuran bengkel 'hands on' penulisan proposal serta sesi perkongsian khas bersama penyelidik yang pernah memperoleh geran daripada pihak industri dan antarabangsa (Bukti 1.4.3.3). Penambahbaikan ini telah dilihat dari segi pencapaian MyRA, PI, penerbitan, penyelidikan dan jumlah geran (Bukti 1.4.3.4 dan Bukti 1.4.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20221\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.3.1.pdf](#)
2. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20222\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.3.2.pdf](#)
3. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20223\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.3.3.pdf](#)
4. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20224\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.3.4.pdf](#)
5. [F0042\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20225\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.3.5.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kecemerlangan yang terserlah pastinya akan terzhahir dengan kerjasama berpasukan merangkumi seluruh warga staf akademik fakulti. Begitu juga, tanpa dokongan dan sokongan daripada barisan kepimpinan tertinggi fakulti, pasti mustahil untuk fakulti mengorak langkah menuju ke satu matlamat yang lebih gemilang. Atas hasrat yang murni itulah, barisan peneraju tertinggi fakulti dan juga staf akademik sentiasa berganding bahu bagi meningkatkan pencapaian fakulti khususnya terhadap bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan ini.

Hasil daripada persefahaman dan kolaborasi yang baik bersama kepimpinan fakulti telah melonjakkan fakulti ke tahap yang lebih baik daripada tahun demi tahun melalui penilaian MyRA (Malaysia Research Assessment). Ditambah lagi dengan strategi tambahan yang telah dirangka oleh kepimpinan fakulti dengan membuka ruang untuk semua staf akademik menerbitkan penulisan berindeks mereka di jurnal Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences bermula tahun 2020. Langkah positif ini memberi impak positif bagi penerbitan tahun 2021 ini. Kesemua staf akademik digalakkan untuk menghantar penulisan mereka ke jurnal ini sebanyak mungkin. Proses untuk memperhalusi penulisan juga banyak dibantu oleh pihak fakulti dengan penganjuran bengkel dan taklimat. Umumnya, kadar penerbitan penulisan di jurnal ini agak tinggi disebabkan kerjasama yang telah terhasil antara pihak fakulti dan editor jurnal.

Melalui tindakan-tindakan yang dinyatakan, pencapaian FSK dibawah pejabat penyelidikan dan industri menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dan hampir kesemua performance indicator (PI) telah dicapai (Bukti 1.5.1)

- Dari segi penerbitan, sebanyak 95 penerbitan jurnal berindeks (SCOPUS/WOS/ERA) yang telah berjaya dihasilkan termasuk 7 proceeding journals, dan 75 joint publications (Bukti 1.5.2)
- Di bawah program (Mentor, Enforce & Execute) sebanyak 45 staff bergred DM51/52 dan sebanyak 36 penerbitan (Scopus/WOS/ERA) yang berjaya dihasilkan termasuk juga 2 penghasilan di bawah penerbitan prosiding berindeks (Bukti 1.5.3).
- Pengambilan pelajar Phd dan pelajar Sarjana meningkat untuk memangkin gerakkerja penyelidikan di fakulti.
- Jumlah penerbitan bersama penyelidikan tempatan (national collaborators) adalah 54 melepasi sasaran 36 (Bukti 1.5.4)
- Jumlah penerbitan bersama penyelidik antarabangsa adalah sebanyak 18 melepasi sasaran tahunan iaitu 9 (Bukti 1.5.4)
- Jumlah penerbitan di dalam Journal MyCite pula adalah sebanyak 66 melepasi jumlah sasaran 12, sama seperti penerbitan di dalam UiTM press dan penerbitan lain yang melepasi sasaran (Bukti 1.5.4)
- Jumlah penyelidik utama atau principal investigators bagi tahun 2021 (PI) di bawah grant national adalah melepasi sasaran iaitu 50 daripada 42 (Bukti 1.5.4).
- Jumlah penyelidik utama atau principal investigators bagi tahun 2021 (PI) di bawah grant international dan industri turut melepasi sasaran tahunan iaitu 2 daripada 1 (Bukti 1.5.4).

Pembudayaan pencapaian ini diwar-warkan untuk tujuan visibiliti FSK di peringkat Universiti, Kebangsaan dan Global (Bukti 1.5.5).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_K01\\_KB05\\_20221\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.5.1.pdf](#)
2. [F0042\\_K01\\_KB05\\_20222\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.5.2.pdf](#)

3. [F0042\\_K01\\_KB05\\_20223\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.5.3.pdf](#)
4. [F0042\\_K01\\_KB05\\_20224\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.5.4.pdf](#)
5. [F0042\\_K01\\_KB05\\_20225\\_FSK\\_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan Strategik merupakan konsep yang lazim dalam pentadbiran, yang bermaksud tindakan berfikir dan membuat rancangan secara strategik bagi mencapai sesuatu hala tuju atau objektif secara berkesan dan bersistematik. Ia juga bagi memastikan sumber yang ada digunakan dengan cekap bagi meningkatkan produktiviti. Merujuk kepada bidang tumpuan yang dipilih, Perancangan Strategik yang kukuh adalah keperluan bagi fakulti sebagai paksi untuk FSK sentiasa berada di tahap yang terbaik dan cemerlang. Ianya menjadi panduan untuk FSK memacu gerak kerja dalam melakar kecemerlangan yang lebih gemilang dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Pada tahun 2021, bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), Fakulti Sains Kesihatan (FSK) yang diterajui oleh Timbalan Dekan PJI telah merangka pelbagai perancangan dan strategi yang diolah menjadi beberapa rangka tindakan utama unit ini. Ianya dihasilkan melalui beberapa siri perbincangan dan prabengkel sebelum dibenteng dan dibincangkan dengan lebih lanjut di Bengkel Perancangan Strategik FSK 2021.

Proses pembentukan pelan strategik telah dilaksanakan mengikut langkah berikut:

- Analisa Jurang dan analisa SWOT bagi mengenalpasti kelemahan, ancaman, kekuatan dan peluang
- Menetapkan matlamat bagi menghasilkan objektif strategik
- Membedah objektif yang ditetapkan bagi mendapatkan rangka tindakan serta kaedah pemantauan

Ianya dimulakan dengan analisa pencapaian pada tahun 2020 diikuti dengan analisa jurang serta analisa SWOT yang mana ianya melibatkan kesemua penyelaras dan peneraju yang mempunyai kaitan dengan pencapaian pihak PJI. Setelah punca permasalahan, kelemahan, kekuatan dan jurang di dalam mencapai kecemerlangan pada tahun sebelumnya dikenalpasti barulah perancangan bagi tahun 2021 mula dirangka. Perancangan mengambil kira aspek berikut:

- PI FSK sebagaimana yang diperturunkan oleh pihak BTU UiTM bagi tahun 2021
- Objektif Kualiti FSK 2020-2025
- Malaysian Education Blueprint 2015-2025
- Shared Prosperity Vision 2030
- National Policy on Industry 4.0
- Global Goals for Sustainable Development

Seterusnya, hasil perbincangan tersebut berserta perancangan bagi tahun 2021 dibentangkan di dalam Bengkel Perancangan Strategik yang telah berlangsung pada 1 Februari 2021 di Bilik Mesyuarat Utama FSK. Setelah diteliti dan dibincangkan secara mendalam oleh ahli mesyuarat yang terdiri dari Pengurusan Tertinggi, Ketua Pusat Pengajian, Ketua Unit dan Penyelaras-penyelarar yang dilantik, beberapa rangka tindakan telah diputuskan bagi mencapai objektif strategik FSK. Turut diperincikan adalah bagaimana objektif-objektif strategik dan rangka tindakan yang dipilih dapat dilaksanakan disamping dapat diukur prestasinya.

Faktor utama yang bakal menyumbang kepada pencapaian sesuatu objektif strategik adalah para warga FSK. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan semua warga FSK mengetahui dan menghayati objektif yang ingin dicapai, pihak PJI telah melakukan siri *roadshow* ke setiap Pusat Pengajian selain dari melalui mesyuarat dan media sosial. Penyebar luasan maklumat seumpama ini amat perlu untuk memberi kesedaran kepada para pensyarah tentang perlunya meletakkan fokus mereka terhadap penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan selain dari pengajaran dan pembelajaran. Langkah ini penting kerana seringkali terdapat segelintir

pensyaran yang hanya menumpukan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran semata-mata dan memandang sepi aspek penyelidikan apatah lagi penerbitan dan pengkomersilan.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pada tahun 2021, FSK telah menetapkan beberapa strategi bagi memastikan kecemerlangan dalam bidang tumpuan utama iaitu penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan dapat direalisasikan dengan jayanya. Bagi mencapai objektif tersebut beberapa rangka tindakan utama telah dirancang dengan teliti. Berdasarkan hasil daripada analisa jurang dan SWOT yang dibentangkan sewaktu Bengkel Perancangan Strategik 2021 (Bukti 2.2.1), didapati di antara faktor utama yang dikenalpasti sebagai cabaran adalah kekurangan geran dan penglibatan yang tidak sepenuhnya oleh pensyarah yang merupakan denominator bagi bidang tumpuan ini. Sehubungan dengan itu, pendekatan yang diambil menjurus kepada rangka tindakan berikut:

- meningkatkan perolehan geran
- meningkatkan keterlibatan pensyarah
- meningkatkan pengkomersialan

Jadual di dalam Bukti 2.2.2 memaparkan aktiviti yang telah dilaksanakan bagi memastikan objektif strategik bahagian PJI bagi tahun 2021 dapat dicapai.

Rangka tindakan yang telah diaplikasikan adalah bagi meningkatkan perolehan geran dari sumber dalaman, nasional, swasta dan antarabangsa yang bertujuan untuk menyokong segala aktiviti penyelidikan. Ini adalah kerana semua aktiviti penyelidikan perlu didasari dengan sokongan kewangan yang kukuh bagi membolehkan pensyarah dapat menggerakkan setiap projek penyelidikan yang telah dirancang. Diantara aktiviti utama yang dilaksanakan oleh bahagian PJI adalah membuat pemakluman kepada warga FSK apabila terdapat geran yang ditawarkan serta mengadakan sesi perkongsian bersama penerima geran yang terdahulu (Bukti 2.2.3). Selain dari aktiviti yang dilaksanakan sendiri oleh pihak FSK, bahagian PJI juga turut mewartarkan sekiranya terdapat sebarang bengkel atau sesi perkongsian yang dianjurkan oleh pihak lain. Peringatan secara berkala dibuat melalui kumpulan *whatsapp* Akademik FSK untuk mengingatkan pensyarah mengenai tarikh-tarikh penting berkaitan permohonan geran. Melalui geran yang diperolehi, pensyarah dapat memperluaskan kajian penyelidikan melalui pengambilan pelajar pasca siswazah. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kadar penerbitan dan seterusnya mengupayakan pengkomersilan produk dan inovasi berdasarkan projek kajian yang dilaksanakan.

Rangka tindakan yang telah diambil bagi meningkatkan jumlah penerbitan dan bilangan pensyarah yang terlibat adalah menganjurkan siri-siri bengkel penulisan yang melibatkan penceramah dari luar dan FSK sendiri (Bukti 2.2.4). Bagi pensyarah baru dan mereka yang kurang arif berkaitan penulisan, satu kumpulan *whatsapp* yang dipanggil *Rising Stars* telah ditubuhkan (Bukti 2.2.5). Kumpulan ini ditubuhkan dengan hasrat memudahkan perbincangan dua hala dilakukan dan bagi melancarkan penyampaian maklumat serta bimbingan berterusan kepada ahli kumpulan tersebut. Pemantauan turut dilaksanakan melalui saluran ini oleh Timbalan Dekan PJI sendiri. Selain dari itu, bimbingan dari pensyarah yang dianggap berjaya di dalam penerbitan turut dilaksanakan melalui program Monitor Force Execute (MEE) di mana 3-4 orang pensyarah diletakkan di bawah seorang penulis berpengalaman. Hasilnya program MEE ini telah berjaya meningkatkan jumlah penerbitan dan penulisan bagi tahun 2021.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_P01\\_PB02\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.1.pdf](#)
2. [F0042\\_P01\\_PB02\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.2.pdf](#)
3. [F0042\\_P01\\_PB02\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.3.pdf](#)
4. [F0042\\_P01\\_PB02\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.4.pdf](#)

5. [F0042\\_P01\\_PB02\\_20225\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.5.pdf](#)



## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam merangka perancangan yang baik, ia perlu didasari dengan halatuju kerajaan yang memberi fokus kepada bidang tumpuan di institusi pengajian tinggi (IPT) merangkumi aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Perancangan strategik yang dilakukan telah mengambil kira dan mengintegrasikan dasar dan perancangan di peringkat universiti dan kebangsaan serta trend global.

UiTM:

- Pelan Strategik UiTM 2025: Bukti 2.3.1
- Objektif Kualiti FSK 2020-2025: Bukti 2.3.2

Kebangsaan:

- Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)
- Malaysian Education Blueprint 2015-2025
- Shared Prosperity Vision 2030
- National Policy on Industry 4.0
- Global Goals for Sustainable Development

Bukti 2.3.3

Selaras dengan hasrat UiTM untuk muncul sebagai platform penyelidikan bertaraf dunia, hala tuju pelan perancangan strategik bahagian PJI FSK diolah agar mensasarkan pembangunan penyelidikan translasi, penerbitan berimpak tinggi serta usaha sama dengan pihak industri. Hasrat utama ini kemudiannya disebar luaskan kepada warga FSK melalui Mesyuarat Pengurusan Fakulti, mesyuarat Pusat Pengajian, siri *road show* ke pusat pengajian dan hebahan melalui media sosial seperti whatsapp dan facebook rasmi FSK (Bukti 2.3.4). Semasa sesi road show ke setiap Pusat Pengajian, selain dari memberi penerangan mengenai hala tuju bahagian PJI bagi tahun 2021, turut diterangkan adalah agihan KPI yang diperturunkan ke setiap Pusat Pengajian (Bukti 2.3.5). Sesi ini amat penting agar aspirasi serta semangat ini dihayati oleh semua warga FSK dan bagi memastikan setiap pensyarah merasakan bertanggungjawab untuk menyumbang kearah pencapaian objektif strategik bahagian penyelidikan

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_P01\\_PB03\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.1.pdf](#)
2. [F0042\\_P01\\_PB03\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.2.pdf](#)
3. [F0042\\_P01\\_PB03\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.3.pdf](#)
4. [F0042\\_P01\\_PB03\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.4.pdf](#)
5. [F0042\\_P01\\_PB03\\_20225\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memperkemas gerak kerja ke arah mencapai objektif strategik PJI, FSK telah melaksanakan beberapa proses pemantauan yang dilaksanakan selaras dengan waktu pelaporan oleh Penyelaras BTU FSK iaitu di setiap sukuan tahun. Pemantauan juga dilakukan bagi memastikan penglibatan pensyarah adalah secara menyeluruh. Ianya dilakukan pada penghujung setiap tiga bulan dengan melibatkan semua warga akademik FSK. Proses pemantauan dilaksanakan di dalam beberapa peringkat sebagaimana ditunjukkan di dalam Bukti 2.4.1.1.

Proses pemantauan yang diamalkan oleh FSK telah berjaya melibatkan kesemua pensyarah melalui kaedah berikut:

- Di peringkat Pusat Pengajian sebarang pencapaian, kegagalan dan pemasalahan yang dihadapi oleh pensyarah akan dilaporkan secara atas talian melalui *google form* dan dibincangkan di dalam mesyuarat Pusat Pengajian atau Jabatan.
- Di peringkat Pengurusan pula KPP akan merumuskan maklumat yang diperolehi daripada ahli pusat pengajian dan seterusnya dilaporkan kepada Timbalan Dekan PJI (Bukti 2.4.1.2).
- Selanjutnya hasil analisa pencapaian dibentangkan di dalam mesyuarat pengurusan eksekutif (MPE) dan diikuti oleh pembentangan di dalam mesyuarat pengurusan fakulti (MPF) (Bukti 2.4.1.3; petikan miniy mesyuarat MPF: agenda H).
- Setelah diluluskan, laporan tersebut disebar luaskan di kalangan warga kerja FSK termasuk pensyarah supaya dapat menjadi pembakar semangat agar terus maju di dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Kejayaan yang dilakar oleh warga FSK dihebahkan melalui facebook rasmi FSK dan kumpulan *whatsapp* Akademik FSK (Bukti 2.4.1.4).

Selain dari pemantauan yang dilaksanakan di setiap sukuan tahun, pada bulan September 2021 satu bengkel yang dipanggil Bengkel Pecutan telah dilaksanakan bagi mengenalpasti objektif dan PI termasuk yang berada dibawah bahagian PJI yang belum tercapai (Bukti 2.4.1.5). Bengkel ini melibatkan kesemua ahli pengurusan termasuk peneraju yang bertanggungjawab menjaga PI yang telah ditetapkan oleh pihak BTU. Hasil daripada bengkel tersebut adalah:

- penetapan sasaran peratusan pencapaian PI keseluruhan yang ingin dicapai oleh FSK
- merancang tindakan segera yang perlu dilakukan bagi mencapai target yang telah ditetapkan di awal tahun bagi PI yang belum dicapai

-

Pelaporan berkaitan pencapaian objektif strategik 2021 turut akan dibentangkan oleh setiap KPP dan Timbalan Dekan di dalam mesyuarat kaji semula pengurusan yang diadakan di awal tahun 2022

-

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.1.pdf](#)
2. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.2.pdf](#)
3. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.3.pdf](#)

4. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.4.pdf](#)
5. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20225\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.5.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko merupakan konsep yang memperihalkan kebarangkalian berlakunya kemungkinan tertentu atau sebagai kesan ketidak tentuan pada matlamat, samaada positif atau negatif. Manakala pengurusan risiko adalah gabungan proses mengenal pasti, menilai, dan mengatur kepentingan risiko diikuti oleh penggunaan sumber secara teratur dan ekonomi bagi mengurangkan, memantau dan mengawal kemungkinan dan/ kesan peristiwa tidak diingini atau bagi memaksimakan penzahiran peluang.

Di FSK, pengurusan risiko dimulakan dengan mengenalpasti risiko yang bakal dihadapi melalui analisa jurang dan analisa SWOT yang dilaksanakan semasa Bengkel Perancangan Strategik FSK (Bukti 2.4.2.1). Seterusnya risiko yang dikenalpasti dianalisa dan dikategorikan (Bukti 2.4.2.2) sebelum pelan mitigasi dirancang dan diimplementasikan bagi memastikan kecemerlangan di dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat dicapai.

Hasil daripada analisa yang dilaksanakan di dapati di antara risiko yang dihadapi adalah seperti berikut:

- jumlah penerbitan tidak mencapai tahap yang disasarkan
- jumlah geran terkumpul tidak mencecah nilai yang disasarkan
- penyelidikan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan
- plagiarism di kalangan pensyarah dan pelajar

Bagi mengekang dari terjadinya risiko yang dinyatakan beberapa tindakan mitigasi telah dilaksanakan oleh pihak PJI dengan bantuan bahagian Hal Ehwal Akademik dan Unit Integriti FSK (Bukti 2.4.2.3). Data pengurusan risiko ini telah dibentangkan oleh Penyelaras Risiko di dalam mesyuarat MPE bagi tujuan pengesahan sebelum didaftarkan di dalam Daftar Risiko FSK.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Startegik 2.4.2.1.pdf](#)
2. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Startegik 2.4.2.2.pdf](#)
3. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Startegik 2.4.2.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan kecemerlangan terhadap bidang tumpuan sentiasa dapat dijana dengan baik, fakulti telah merancang dan melaksanakan tindakan penambahbaikan untuk memperkasa tahap penyelidikan di FSK.

Melalui analisa yang telah dilakukan, dijangka kekurangan di dalam jumlah geran yang diterima oleh pensyarah FSK adalah disebabkan oleh bidang penyelidikan yang ingin dikaji tidak menepati kehendak semasa, kurang kemahiran dalam penulisan geran serta pensyarah baru yang tiada pengalaman. Sehubungan dengan itu beberapa langkah telah dilaksanakan bagi menambahbaik permohonan geran pada tahun 2021 seperti berikut:

- Penubuhan kumpulan *Rising Star* bagi pensyarah baru
- Siri perkongsian pengalaman bersama pensyarah yang telah berjaya mendapatkan geran
- Pemakluman secara berkala mengenai geran bagi membolehkan pensyarah melakukan persediaan awal
- Memberi penerangan berkaitan penyelidikan bersifat translasi

(Bukti 2.4.3.1)

Bagi meningkatkan bilangan penyelidik di FSK, bahagian PJI telah melaksanakan beberapa siri bengkel dan ceramah mengenai penulisan jurnal. Selain itu, bagi meningkatkan motivasi para pensyarah, FSK telah menawarkan pemberian insentif dan dana khas bagi menampung keperluan kewangan bagi tujuan penerbitan (Bukti 2.4.3.2), menghadiri konferensi (Bukti 2.4.3.3) dan pertandingan inovasi. Langkah ini didapati telah membantu meningkatkan bilangan penerbitan pada tahun 2021.

Bagi membantu pensyarah yang baru atau kurang berpengalaman, bahagian PJI telah meletakkan mereka di bawah beberapa orang mentor yang terdiri daripada pensyarah yang berjaya di dalam penerbitan di dalam program yang dipanggil *Monitor Force Execute* (MEE) (Bukti 2.4.3.4). Kerjasama dan sokongan di dalam kumpulan *mentor-mentee* ini telah berjaya membuahkan hasil. Dengan adanya program pemantapan ini ianya telah dapat menggalakkan pensyarah yang tidak aktif dan kurang berminat untuk mula berjinak dengan bidang penyelidikan dan penulisan.

Disamping itu, proses penambahbaikan terhadap bidang tumpuan ini dapat direalisasikan apabila wujudnya pemantauan yang berterusan (Bukti 2.4.3.5). Pemantauan secara berkala amat penting bagi memastikan punca kegagalan sesuatu strategi dapat dikenalpasti dan langkah pembetulan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.1.pdf](#)
2. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.2.pdf](#)
3. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.3.pdf](#)
4. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.4.pdf](#)
5. [F0042\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20225\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.5.pdf](#)

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Kecemerlangan yang terserlah pastinya akan terzahir dengan kerjasama berpasukan merangkumi seluruh warga FSK samada pensyarah atau staf bukan akademik. Begitu juga, tanpa dokongan dan sokongan daripada barisan kepimpinan tertinggi fakulti, pasti mustahil untuk fakulti mengorak langkah menuju ke satu matlamat yang lebih gemilang. Atas hasrat yang murni itulah, barisan peneraju tertinggi fakulti dan juga staf akademik sentiasa berganding bahu bagi meningkatkan pencapaian fakulti khususnya terhadap bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan ini.

Hasil daripada persefahaman dan kolaborasi yang baik telah berjaya melonjakkan fakulti ke tahap yang lebih baik tahun demi tahun melalui penilaian MyRA (Malaysia Research Assessment) (Bukti 2.5.1). Ianya disokong oleh beberapa pembaharuan di dalam gerak kerja yang dilaksanakan seperti:

- Program MEE (Bukti 2.5.2)
- Usahasama penerbitan bersama jurnal Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences (Bukti 2.5.3)
- Proses pemantauan kemajuan yang melibatkan semua lapisan staf akademik (Bukti 2.5.4)
- Sesi perkongsian pengalaman bersama penerima geran luaran (Bukti 2.5.5)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_P01\\_PB05\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.1.pdf](#)
2. [F0042\\_P01\\_PB05\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.2.pdf](#)
3. [F0042\\_P01\\_PB05\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.3.pdf](#)
4. [F0042\\_P01\\_PB05\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.4.pdf](#)
5. [F0042\\_P01\\_PB05\\_20225\\_FSK\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelanggan utama bagi bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan inovasi merangkumi staf akademik, pelajar, pihak industri, dan penyertaan komuniti dalam memenuhi penunjuk aras prestasi atau performance indicator (PI) bagi tahun sasaran.

Pada tahun 2021, FSK menyasarkan beberapa pencapaian PI utama bagi melonjakkan universiti secara holistik seperti penerbitan (PI: 60-66), geran penyelidikan (PI: 71-73), jumlah geran penyelidikan (PI: 74-76), jaringan industri dan kolaborasi alumni, industri universiti kebangsaan dan antarabangsa (PI:21-25, PI:83-90) serta keusahawanan (PI: 28,31) dan penjana pendapatan melalui bengkel dan latihan. Dalam memastikan *performance indicator* (PI) ini dapat dicapai, FSK akan merangka dan melaksana pelan tindakan strategik (SAP) dan Program Mentor, Enforce & Execute (MEE).

1. Dalam menyusun pemetaan setiap PI dan memantau secara suku tahunan. Pengurusan dan pemantauan dilakukan melalui sistem University Electronic Programme Management Office (UePMO). Sistem ini bertujuan memudahkan kaedah pemantauan projek (PI) dalam memberikan maklumat dan data yang diperlukan terutama kepada pihak pengurusan dan pemantau projek bagi memastikan proses pelaksanaan dan pemantauan yang lebih berkesan.
2. FSK turut mengguna pakai pelbagai platform untuk penyimpanan data berkaitan hasil penyelidikan dan penerbitan. Platform digital seperti MyGrants dan iPRO2u (Grant Proposal System) digunapakai untuk pemantauan aktiviti penyelidikan staf dan universiti manakala aplikasi PRISMa pula dirujuk untuk rekod penerbitan. Rekod hasil inovasi dan perakuan harta intelek pula dirujuk melalui sistem digital IRMIs (integrated RMI services).

Selain daripada menjadi sebahagian daripada ukuran penilaian sasaran kerja tahunan (SKT) staf akademik, pelbagai insentif khas diperuntukkan kepada staf yang aktif menyumbang kepada aktiviti penyelidikan dan penerbitan.

1. Wang keraian, sijil, medal dan trofi dianugerahkan sebagai tanda penghargaan dalam usaha membangunkan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Penganugerahan melalui Hari Kualiti FSK untuk hasil penyelidikan, penerbitan berimpak tinggi dan inovasi turut dilaksanakan setiap tahun sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada usaha staf fakulti.
2. Ganjaran bagi pihak industri dan universiti adalah bersifat dua hala melalui pengukuhan nama atau branding sesebuah universiti dan pencapaian kedudukan QS Ranking universiti.

Terdapat isu dan cabaran yang dikenal pasti di dalam konteks penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, antaranya :

1. Perolehan geran penyelidikan : pencapaian geran bagi FSK banyak bergantung kepada geran dalaman UiTM
2. Penerbitan berindeks : bilangan penerbitan berindeks tidak pernah mencapai sasaran yang diletakkan oleh pihak Universiti Transformation Division (BTU). Hal ini disebabkan oleh bilangan denominator yang menyumbang kepada PI fakulti tidak sepenuhnya.

Isu dan cabaran ini boleh menjejaskan tumpuan pelanggan dan perjalanan penyelidikan, serta memberi impak secara terus kepada skor Myra sesebuah universiti. Pelbagai tindakan penambahbaikan dilaksanakan oleh Pejabat Penyelidikan Fakulti untuk memperbaiki prestasi penyelidikan dan penerbitan. Pelaksanaan pelan tindakan strategik (SAP) dan Program Mentor, Enforce & Execute (MEE). telah menampakkan impak yang positif dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan inovasi. Hasil daripada usaha berkenaan adalah pelbagai geran dalaman mahupun luar yang berjumlah RM 1640,795.50 pada tahun 2021 berjaya diperolehi. Hal ini menunjukkan peningkatan yang cukup besar berbanding tahun 2020 (RM663,000.00). Secara rumusan, 30 projek dengan jumlah RM 1.658 juta telah berjaya diterima bagi tahun 2021, 92

penerbitan berindeks SCOPUS/WOS, 53 PI geran penyelidikan (50% staf akademik berstatus PI) dan 7 hakcipta telah berjaya dihasilkan. Pencapaian MyRA pada tahun 2021 adalah 61.47



### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pelanggan merupakan perkara penting bagi sesebuah fakulti mahupun universiti dalam mencapai objektif bagi setiap pelaksanaan program yang meliputi bidang penyelidikan, inovasi, penerbitan, jaringan industri dan penyertaan komuniti. Tumpuan pelanggan FSK adalah terdiri daripada pensyarah, pelajar, industri dan komuniti.

Pensyarah merupakan pelanggan utama bagi bidang tumpuan penyelidikan dan penerbitan, yang menumpukan kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan budaya penyelidikan di samping meningkatkan aktiviti jaringan industri. Manakala para pelajar adalah pelanggan yang membantu dan menyumbang kepada bidang tumpuan melalui aktiviti penyelidikan yang berterusan dalam membentuk graduan yang holistik dan dinamik.

Tumpuan pelanggan turut menjurus kepada kolaborasi antara universiti tempatan dan antarabangsa melalui perjanjian persefahaman, lawatan akademik, projek dan konferensi penyelidikan, pertandingan inovasi, kerjasama dalam aktiviti kemasyarakatan dan keusahawanan. Antara kolaborasi (MOU) pihak FSK, UiTM dengan universiti luar seperti Asia University Taiwan, Honam University Korea, Tokyo University of Technology, Japan, Poltekkes Kemenkes Padang, Politeknik Unggulan Kalimantan, Indonesia dan Universiti Muhammadiyah Surakarta (Bukti 3.2.1). Melalui kolaborasi dapat mewujudkan perkongsian ilmu dan kepakaran untuk manfaat semua.

Pihak industri turut berperanan sebagai pelanggan utama dalam memangkin bidang penyelidikan dan inovasi melalui penglibatan dua hala baik dalam negara mahupun luar negara. Antara kolaborasi FSK bersama industri adalah seperti Johnson & Johnson Sdn Bhd, Eternal Biotech Sdn Bhd & Thought for Food Foundation, DietPax Ventures, Hospital Penawar Sdn Bhd, Aero Healthcare Services, Serasi Venture Sdn Bhd, Pantai Integrated Sdn bhd, dan Kizzu Holdings Sdn Bhd (Bukti 3.2.2) Kolaborasi ini banyak membantu dalam mengukuhkan kebolehpasaran graduan selain memberi manfaat dari sudut pengajaran dan pembelajaran melalui perkongsian ilmu dan pendedahan pelajar kepada penggunaan teknologi terkini.

Kolaborasi (MOA) di antara FSK dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selama tempoh 5 tahun dari tahun 2020 sehingga 2025 banyak membantu staff dan pelajar dari segi penyampaian ilmu melalui sesuatu program komuniti (3.2.3). Selain itu, MOA ini turut mengeratkan hubungan dua hala disamping menyampaikan ilmu terutama berkaitan kesedaran dan kepentingan dalam penjagaan kesihatan di dalam masyarakat amnya.

Kolaborasi penyelidikan diantara pihak FSK dan agensi luar serta universiti sememangnya tersasar kepada tumpuan pelanggan komuniti seperti kanak kanak di luar bandar dan sebagainya. Antara projek penyelidikan yang dilakukan pada tahun 2021 adalah bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Terengganu Strategy & Integrity Institute (RM 37,500), UKM-UNICEF (399,400.00), Kementerian Sumber Manusia (RM 249,921.50), dan gran terbesar adalah projek alam sekitar bersama Tenggara Agroville Sdn Bhd (RM934,500) (Bukti 3.2.4)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_T01\\_TB02\\_20221\\_Lampiran\\_3.2.1.pdf](#)

2. [F0042\\_T01\\_TB02\\_20222\\_Lampiran\\_3.2.2.pdf](#)
3. [F0042\\_T01\\_TB02\\_20223\\_Lampiran\\_3.2.3.pdf](#)
4. [F0042\\_T01\\_TB02\\_20224\\_Lampiran\\_3.2.4.pdf](#)
- 5.

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Terdapat beberapa platform yang digunapakai bagi memohon dan merekodkan data pelanggan. Bagi perolehan geran penyelidikan, penawaran geran akan dihebahkan oleh Sekretariat Unit Perolehan Geran, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) untuk dipohon oleh pensyarah sama ada melalui platform digital MyGrants bagi penawaran geran dari Kementerian Pendidikan Malaysia, iPRO2u (Grant Proposal System) bagi penawaran geran dalaman universiti atau secara terus ke pihak penaja yang melibatkan entiti antarabangsa, swasta atau di luar universiti. Melalui platform digital ini, permohonan geran penyelidikan boleh dipantau serta disemak oleh pelanggan dan pihak universiti.

Bagi rekod penerbitan merangkumi penerbitan jurnal berindeks, penerbitan jurnal tidak berindeks, buku penyelidikan berindeks, bab dalam buku penyelidikan dan lain-lain penerbitan, ia boleh dirujuk di aplikasi PRISMa. Pengemaskinian data penerbitan boleh dilakukan oleh pensyarah secara terus melalui sistem ini dan akan divalidasi oleh sekretariat PRISMa sebelum disahkan memenuhi penilaian sasaran kerja tahunan (SKT) melalui sistem myATP. Manakala hasil inovasi dan perakuan harta intelek dikumpul dan direkodkan di dalam sistem digital IRMIs (integrated RMI services).

Pada tahun 2021, FSK mensasarkan beberapa pencapaian PI utama bagi melonjakkan universiti secara holistik seperti penerbitan (PI: 60-66), grant penyelidikan (PI: 71-73), jumlah grant penyelidikan (PI: 74-76), jaringan industri dan kolaborasi alumni, industri universiti kebangsaan dan antarabangsa (PI:21-25, PI:83-90) serta keusahawanan (PI: 28,31) dan penjana pendapatan melalui bengkel dan latihan. Dalam memastikan performance indicator (PI) ini dapat dicapai, FSK akan merangka dan melaksana pelan tindakan strategik (SAP) dan Program Mentor, Enforce & Execute (MEE)(Bukti 3.3.1) untuk menyusun pemetaan setiap PI dan memantau secara suku tahunan. Pengurusan dan pemantauan dilakukan melalui sistem University Electronic Programme Management Office (UePMO) (Bukti 3.3.2)

Penghasilan penyelidikan, penerbitan dan inovasi pelajar pascasiswazah dikumpul dan dianalisa secara atas talian melalui borang kaji selidik pencapaian pelajar (FSK postgraduate Achievement Feedback Form). Rekod penyelidikan yang melibatkan pelajar tahun akhir peringkat sarjana muda pula perlu melalui mesyuarat etika penyelidikan bagi tujuan verifikasi oleh Pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri FSK. Pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri FSK turut berperanan menyimpan dan merekodkan perjanjian persefahaman (Memorandum of Understanding, MOU) untuk tindakan dan rujukan pihak universiti. Mereka juga membantu untuk mengumpul dan menyimpan rekod-rekod perolehan geran, penerbitan, hasil inovasi dan harta intelek pelanggan yang telah divalidasi di dalam platform yang telah dinyatakan (Bukti 3.3.3), (Bukti 3.3.4). FSK mengguna pakai sistem maklumat analisa dan repositori (SMART) bagi menyelia program jaringan melibatkan alumni, komuniti dan industri (Bukti 3.3.5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_T01\\_TB03\\_20221\\_Lampiran 3.3.1.pdf](#)
2. [F0042\\_T01\\_TB03\\_20222\\_Lampiran 3.3.2 .pdf](#)
3. [F0042\\_T01\\_TB03\\_20223\\_Lampiran 3.3.3.pdf](#)
4. [F0042\\_T01\\_TB03\\_20224\\_Lampiran 3.3.4.pdf](#)
5. [F0042\\_T01\\_TB03\\_20225\\_Lampiran 3.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSK amat menghargai penglibatan semua peringkat dalam usaha membudayakan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan yang menjadi pengukur kepada kejayaan sesebuah insititusi atau universiti. Pelbagai insentif khas diperuntukkan kepada para pelanggan terutamanya staf seperti wang keraian untuk penghasilan penerbitan atau makalah yang berimpak tinggi. Selain itu, penghargaan disediakan kepada staf, pelajar, universiti mahupun industri di dalam bentuk surat penghargaan, sijil penyertaan, poster hebahan, melalui media rasmi : Fakulti Sains Kesihatan UiTM -FB Media Rasmi, medal dan trofi sebagai tanda terima kasih dalam usaha membangunkan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (Bukti 3.4.1.1)

Usaha staf dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi juga diambil kira sebahagian daripada ukuran penilaian sasaran kerja tahunan (SKT) yang dijalankan setiap tahun melalui sistem pemantauan MyATP. Pemantauan ini seperti diketahui umum akan menyumbang kepada kemajuan kerjaya pelanggan. Selain itu, bagi melestarikan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi di dalam fakulti, penganugerahan melalui Hari Kualiti FSK (Bukti 3.4.1.2) kepada staf yang menghasilkan penyelidikan, penerbitan berimpak tinggi dan inovasi turut dilaksanakan setiap tahun sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada usaha staf fakulti.

Manakala bagi pihak industri dan universiti, ganjaran adalah bersifat dua hala (Bukti 3.4.1.3). Selain daripada jaringan atau networking yang lebih meluas dan berimpak melalui aktiviti penyelidikan, penerbitan dan persidangan, pengukuhan nama atau branding sesebuah universiti dapat dicapai, dan seterusnya memperteguh kedudukan universiti di QS Ranking di persada antarabangsa.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20221\\_Lampiran 3.4.1.1pdf.pdf](#)
2. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20222\\_Lampiran 3.4.1.2pdf.pdf](#)
3. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20223\\_Lampiran 3.4.1.3pdf.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Antara risiko utama yang dikenal pasti di dalam konteks penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan adalah:

1. Etika penyelidikan atau ethics yang boleh menjejaskan tumpuan pelanggan. Dari aspek kelulusan etika penyelidikan pula, risiko kelulusan yang lewat boleh menjejaskan garis masa perjalanan sesebuah penyelidikan.
2. Di dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan mahupun inovasi, idea atau hak intelek bagi sesebuah kajian atau prototype yang mudah terdedah kepada risiko untuk diciplak atau ditiru.
3. Lambakan journal yang tidak beretika yang dikenali sebagai predatory journal turut boleh menjejaskan tumpuan pelanggan terutamanya dalam menghasilkan penerbitan.
4. Risiko lain yang melibatkan tumpuan pelanggan pelajar pascasiswazah adalah ketidakupayaan bergraduasi pada masa yang ditetapkan Graduate on Time (GOT) terutamanya di musim pandemik. Risiko ini menjejaskan perjalanan penyelidikan, serta memberi impak kepada skor Myra sesebuah universiti. Kekangan penyertaan komuniti dalam sesuatu penganjuran program oleh fakulti juga antara risiko yang dihadapi sepanjang tempoh kawalan pergerakan.

Risiko lain adalah FSK banyak bergantung kepada geran dalaman UITM dan sukar menembusi peringkat antarabangsa. Selain itu, sasaran yang diletakkan oleh pihak BTU bagi penerbitan berindeks sukar dicapai kerana bilangan denominator yang menyumbang kepada PI fakulti tidak sepenuhnya.

Pelbagai strategi dan inisiatif baru perlu diguna pakai bagi mengurangkan risiko-risiko tersebut antaranya :

1. Permohonan harta intelek atau Intellectual Property Right (IPR) yang boleh dilakukan secara atas talian menerusi portal IRMIs yang dikendalikan oleh Institut Penyelidikan UiTM atau lebih dikenali sebagai Research Management Centre (RMC). Risiko kelulusan etika penyelidikan pula dapat diminimalkan melalui garis panduan permohonan yang jelas (Bukti 3.4.2.1).
2. Untuk mengurangkan risiko di dalam konteks penghasilan dan penerbitan makalah di bawah predatory journal, Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (ethics community) serta Research Management Centre (RMC) berperanan menyediakan senarai predatory journal yang perlu dielakkan oleh setiap penyelidik (Bukti 3.4.2.2)
3. Dalam mengekang risiko ketidakupayaan bergraduasi pada masa yang ditetapkan (GOT), (Bukti 3.4.2.3). Koordinator Pascasiswazah fakulti berperanan mengenalpasti perkembangan kajian pelajar-pelajar pascasiswazah secara berkala, selain menganjur thesis bootcamp dan Webinar (3.4.2.5)
4. Penganjuran program webinar melibatkan komuniti antara alternatif bagi merapatkan hubungan antara pihak universiti dan komuniti terutama dalam penyampaian ilmu, dan penjagaan kesihatan (3.4.2.4). Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2021, 40 program webinar CSR, 9 program webinar KTP, 11 program webinar janaan pendapatan dan beberapa program komuniti telah berjaya dijayakan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20221\\_Lampiran 3.4.2.1.pdf](#)

2. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20222\\_Lampiran 3.4.2.2.pdf](#)
3. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20223\\_Lampiran 3.4.2.3.pdf](#)
4. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20224\\_Lampiran 3.4.2.4.pdf](#)
5. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20225\\_Lampiran 3.4.2.5.pdf](#)

### 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mesyuarat Penyelidikan Fakulti yang dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan bertindak menambah baik prestasi penyelidikan, penerbitan dan inovasi di fakulti melalui beberapa tindakan yang telah disusun di dalam pelan tindakan strategik (SPA)

1. Hebahan pembukaan geran, dan pengukuhan permohonan geran bagi meningkatkan grant industri dan antarabangsa (Bukti 3.4.3.1)
2. Mengenal pasti penyelidik yang berpotensi (staf baru berkelayakan PhD dan penyelidik dari entiti kecemerlangan FSK) dalam penganjuran bengkel persediaan penulisan geran merangkumi bengkel penulisan dan pemurnian kertas kerja (Bukti 3.4.3.1).
3. Menyasarkan inisiatif 1 pensyarah 1 jurnal berindeks dengan mengadakan pelbagai webinar penyelidikan yang merangkumi latihan penulisan jurnal berindeks, penulisan berilmiah, bengkel pemurnian manuskrip dan bengkel metodologi penyelidikan secara hands on di atas talian bagi mengatasi kekangan untuk mendapatkan latihan secara bersemuka (Bukti 3.4.3.1).
4. Mempertingkatkan MOU/MOA bersama industri dan universiti antarabangsa bagi meningkatkan perolehan geran dari sumber dalaman, nasional, swasta dan antarabangsa melalui inisiatif 1 pusat pengajian 1 geran industri dan antarabangsa bagi menyokong aktiviti penyelidikan (Bukti 3.4.3.2)
5. Menganjurkan bengkel etika penyelidikan kepada staf akademik yang bertindak sebagai penilai kepada borang permohonan etika penyelidikan bagi memastikan permohonan mematuhi garis panduan dan lengkap (Bukti 3.4.3.3).
6. Pemakluman atau hebahan awal Jadual Mesyuarat Etika Penyelidikan kepada staf melalui email dapat memberi ruang kepada staf untuk melakukan persediaan awal dan merancang perjalanan penyelidikan (Bukti 3.4.3.3).
7. Menubuhkan unit Rising Star yang melatih penyelidik muda dan berbakat untuk mendekati bidang penyelidikan dan menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi

Mesyuarat Pascasiswazah Fakulti yang dipengerusikan oleh Koordinator Pascasiswazah bertindak menambahbaik prestasi penyelidikan pelajar pascasiswazah melalui tindakan seperti:

1. Penganjuran webinar yang membantu pelajar dalam penerbitan dalam jurnal berindeks seterusnya mengenalpasti Predatory Journal
2. Mengadakan bengkel kurikulum program siswazah bagi mendapatkan gambaran keperluan kerja kursus (Bukti 3.4.3.3).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20221\\_FSK\\_Lampiran\\_3.4.3.1.pdf](#)
2. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20222\\_FSK\\_Lampiran\\_3.4.3.2.pdf](#)
3. [F0042\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20223\\_FSK\\_Lampiran\\_3.4.3.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui tindakan-tindakan yang dinyatakan (3.4.3), pencapaian FSK dibawah pejabat penyelidikan dan industri menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dan hampir kesemua performance indicator (PI) telah dicapai (Bukti 3.5.1)

- Sepanjang tahun 2021,, pelbagai geran telah berjaya diraih yang melibatkan geran dalaman mahupun luaran yang berjumlah sebanyak RM1640,795.50. Hal ini menunjukkan peningkatan yang cukup besar berbanding tahun 2020 (RM663,000.00) (Bukti 3.5.2)
- Jumlah grant national funded adalah sebanyak RM 1582,245.50 yang telah berjaya diperolehi.

Dari segi penerbitan, sebanyak 95 penerbitan jurnal berindeks (SCOPUS/WOS/ERA) yang telah berjaya dihasilkan termasuk 7 proceeding journals, dan 75 joint publications (Bukti 3.5.3)

- Di bawah program (Mentor, Enforce & Execute) sebanyak 45 staff bergred DM51/52 dan sebanyak 36 penerbitan (Scopus/WOS/ERA) yang berjaya dihasilkan termasuk juga 2 penghasilan di bawah penerbitan prosiding berindeks.
- Jumlah penerbitan bersama penyelidikan tempatan (national collaborators) adalah 54 melepasi sasaran 36
- Jumlah penerbitan bersama penyelidik antarabangsa adalah sebanyak 18 melepasi sasaran tahunan iaitu 9
- Jumlah penerbitan di dalam Journal MyCite pula adalah sebanyak 66 melepasi jumlah sasaran 12, sama seperti penerbitan di dalam UiTM press dan penerbitan lain yang melepasi sasaran.
- Jumlah penyelidik utama atau principal investigators bagi tahun 2021 (PI) di bawah grant national adalah melepasi sasaran iaitu 50 daripada 42.
- Jumlah penyelidik utama atau principal investigators bagi tahun 2021 (PI) di bawah grant international dan industri turut melepasi sasaran tahunan iaitu 2 daripada 1. (Bukti 3.5.4), (Bukti 3.5.5)

Namun, terdapat beberapa performance indicator (PI) yang tidak berjaya dicapai mengikt sasaran seperti jumlah grant antarabangsa, sasaran tahunan RM 50,000.00 hanya RM 15,200.00 yang diperolehi. Selain itu, tahun 2021 FSK tidak berjaya mencapai sasaran penerbitan conference proceeding in SCOPUS/WOS. Hal ini mungkin disebabkan kebanyakan konferens yang dihadiri penyelidik FSK adalah pada bulan Jun-Dec, dan prosiding berindeks mengambil masa yang lama untuk dikemaskini di atas database SCOPUS/WOS

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_T01\\_TB05\\_20221\\_Lampiran 3.5.1.pdf](#)
2. [F0042\\_T01\\_TB05\\_20222\\_Lampiran 3.5.2.pdf](#)
3. [F0042\\_T01\\_TB05\\_20223\\_Lampiran 3.5.3.pdf](#)
4. [F0042\\_T01\\_TB05\\_20224\\_Lampiran 3.5.4.pdf](#)



5. [F0042\\_T01\\_TB05\\_20225\\_Lampiran\\_3.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan merupakan elemen kedua penting selepas pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan sesebuah universiti dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di lihat mampu meningkatkan martabat sistem pendidikan sesebuah universiti, malah turut menjadi aset penting kepada masyarakat dan negara.

FSK telah berusaha mengaplikasi setiap petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi UiTM (melalui Bahagian Transformasi Universiti – BTU) sebagai pengukur utama bagi merealisasikan usaha UiTM menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu.

Ukuran bagi bidang penyelidikan ditumpukan kepada penyelidikan yang dijalankan bersama institusi tempatan dan luar negara, Projek Komuniti (Knowledge Transfer Programme (KTP), Rangkaian Dan Hubungan Dengan Pihak Luar dan Geran Penyelidikan.

Bidang penerbitan pula diukur melalui penghasilan buku, bab dalam buku penyelidikan, artikel, jurnal, kertas prosiding dan penerbitan umum.

Manakala bagi bidang pengkomersialan pula ukuran yang digunapakai adalah penghasilan harta intelek, hak cipta dan penghasilan paten.

Data penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan ini telah dikongsikan kepada FSK melalui mesyuarat Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bersama Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) yang diadakan pada setiap akhir tahun dengan tujuan pemantauan prestasi dan analisis strategic.

FSK telah menggunakan beberapa kaedah bagi pemantauan data bagi bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Namun begitu, perkara yang paling penting bagi memastikan data-data ini dapat dikumpulkan dengan efisien adalah dengan mendapatkan kerjasama daripada semua yang terlibat khususnya daripada warga FSK.

FSK juga telah mengambil pendekatan dengan memberikan pendedahan mengenai halatuju dan kepentingan pengumpulan data bagi memastikan semua aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat direkodkan dengan baik dan membantu proses analisa dan pemantauan.

Hasil daripada analisa dan pemantauan data pencapaian serta risiko yang berkaitan dengan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, FSK telah mengkaji semula tindakan dan strategik

FSK iaitu strategi FSK bagi mempertingkatkan 3 section utama, cadangan inisiatif penyelidik FSK, program pemantapan bagi staf yang kurang aktif dan memperkukuhkan task force FSK. Perkara ini telah dipanjangkan kepada warga FSK melalui saluran komunikasi FSK.

FSK telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan menjadi amalan dan pembudayaan. Antaranya dengan penganjuran beberapa program bagi meningkatkan lagi penglibatan warga FSK khususnya di bidang inovasi seperti menyediakan insentif dan platform bagi membolehkan para pensyarah menterjemahkan hasil kreatif dan inovasi masing-masing

Selain daripada itu, bagi menjadikan amalan dan budaya kearah kecemerlangan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan ini, FSK telah menggunakan sepenuhnya media komunikasi FSK iaitu melalui laman sesawang FSK bagi menghebahkan peluang-peluang permohonan geran, konferens dan jaringan antara industry, komuniti dan alumni yang ada bagi menggalakkan warga FSK menyertainya

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengukuran dan analisa merupakan elemen penting bagi memastikan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan mencapai kualiti yang ditetapkan bukan sahaja yang ditetapkan oleh UiTM tetapi mencapai Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara bagi memperkasakan penyelidikan dan inovasi.

Sehubungan itu, FSK mengambil serius terhadap petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan oleh UiTM pada setiap tahun. Petunjuk prestasi yang ditetapkan ini adalah berdasarkan pencapaian tahun sebelumnya (2020) yang telah dibentang dan dibincang diperingkat UiTM (Lampiran 4.2.1).

PI yang telah ditetapkan ini akan dibincangkan diperingkat tertinggi FSK dan dikongsikan kepada semua staf FSK pada awal tahun melalui Bengkel "Strategic Action Plan" FSK 2021 dengan tujuan agar bidang ini menjadi tanggungjawab bersama warga FSK dalam usaha membudayakan kualiti kerja yang cemerlang bersama (Lampiran 4.2.2).

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Jaringan Industri) dan pasukannya bertanggungjawab dalam memastikan pengukuran, penganalisaan dan pengurusan pengetahuan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Selain daripada itu, beberapa pensyarah telah ditindikkan bagi membantu proses ini, manakala seorang wakil bagi setiap program juga telah dilantik bagi membantu diperingkat pusat pengajian (Lampiran 4.2.3).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_A01\\_AB02\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.2.1.pdf](#)
2. [F0042\\_A01\\_AB02\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.2.2.pdf](#)
3. [F0042\\_A01\\_AB02\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.2.3.pdf](#)
4. [F0042\\_A01\\_AB02\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.2.1.pdf](#)
5. [F0042\\_A01\\_AB02\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.2.2.pdf](#)
6. [F0042\\_A01\\_AB02\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.2.3.pdf](#)
7. [F0042\\_A01\\_AB02\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.2.1.pdf](#)
8. [F0042\\_A01\\_AB02\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.2.2.pdf](#)
9. [F0042\\_A01\\_AB02\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.2.3.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Data-data berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan adalah seperti berikut:

#### **Penerbitan:**

1. Jumlah penerbitan berindeks: Prosiding persidangan dalam SCOPUS / WoS.
2. Bilangan penerbitan berindeks: Jurnal dalam SCOPUS / WoS / ERA.
3. Bilangan penerbitan berimpak tinggi
4. Jumlah penerbitan bersama yang diindeks dengan kolaborator Nasional
5. Jumlah penerbitan bersama yang diindeks dengan Kolaborator Industri
6. Jumlah penerbitan bersama yang diindeks dengan Kolaborator Antarabangsa
7. Bilangan penerbitan berindeks: Jurnal di MyCite
8. Jumlah penerbitan yang diterbitkan oleh UiTM Press dan penerbit lain
9. Bilangan karya budaya atau pameran
10. Institusi *h-index*
11. Jumlah kutipan penerbitan terindeks

#### **Penyelidikan**

1. Bilangan penyelidik utama (PI) untuk geran penyelidikan: Dibiayai oleh negara
2. Bilangan penyelidik utama (PI) untuk geran penyelidikan: Dibiayai oleh Industri
3. Bilangan penyelidik utama (PI) untuk geran penyelidikan: Dibiayai oleh antarabangsa
4. Jumlah geran penyelidikan: Dibiayai oleh negara
5. Jumlah geran penyelidikan: Dibiayai oleh Industri
6. Jumlah geran penyelidikan: Dibiayai oleh antarabangsa
7. Bilangan penyelia utama MS atau PhD oleh penyelidikan yang bukan penyelidik utama
8. Bilangan penyelia utama MS atau PhD oleh penyelidikan yang bukan penyelidik utama
9. Peratusan projek penyelidikan disiapkan tepat pada waktunya

#### **Pengkomersialan**

1. Bilangan paten yang difailkan
2. Bilangan IPR lain
3. Jumlah produk / perkhidmatan inovasi berjaya dikomersialkan
4. Jumlah perlesenan pengetahuan teknologi

Data dan maklumat mengenai penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dikumpulkan dengan menggunakan sistem pelaporan Bahagian Transformasi UiTM (BTU).

Namun begitu, FSK mempunyai kaedah lain bagi memastikan setiap PI dapat di pantau dan disahkan bagi memastikan setiap PI yang ditetapkan dapat dicapai (Lampiran 4.3.1).

Pengumpulan data dan maklumat ini dilakukan setiap bulan dan akan dibawa kepada mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan FSK bagi menilai dan membincangkan penambahbaikan untuk memastikan kelangsungan ketiga-tiga bidang ini.

Data bulanan ini pula akan dikumpulkan menjadi Laporan Suku Tahunan (Q1 hingga Q4) yang akan menjadi pengukur untuk menilai progress penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (Lampiran 4.3.2 & Lampiran 4.2.3).

Pencapaian suku tahunan ini akan dikongsikan kepada semua warga FSK bagi mengenalpasti strategi untuk membantu mencapai PI yang ditetapkan.

Selain daripada itu, antara perancangan yang dijalankan oleh FSK bagi memastikan data dapat dikumpulkan dengan lebih berkesan, para pensyarah didedahkan mengenai Bengkel MyRA dan Sistem SMART (Sistem Maklumat Analisa & Repositori) bagi membolehkan hasil kajian penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat didaftarkan yang akan menyumbang kepada pengumpulan data (Lampiran 4.3.4).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_A01\\_AB03\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.3.1.pdf](#)
2. [F0042\\_A01\\_AB03\\_20222\\_1 Performance Indicator \(PI\) Achievement September 2021.pdf](#)
3. [F0042\\_A01\\_AB03\\_20223\\_1 Performance Indicator \(PI\) Achievement December 2021.pdf](#)
4. [F0042\\_A01\\_AB03\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.3.4.pdf](#)
5. [F0042\\_A01\\_AB03\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.3.1.pdf](#)
6. [F0042\\_A01\\_AB03\\_20222\\_1 Performance Indicator \(PI\) Achievement September 2021.pdf](#)
7. [F0042\\_A01\\_AB03\\_20223\\_1 Performance Indicator \(PI\) Achievement December 2021.pdf](#)
8. [F0042\\_A01\\_AB03\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.3.4.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSK telah mengenalpasti beberapa mekanisma bagi membantu pengumpulan dan analisa data berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Pada awal tahun, selepas mendapat PI yang ditetapkan, PI Mapping akan dibuat dan diagihkan kepada setiap jabatan. Perbincangan dijalankan bagi mengenalpasti aliran kerja bersepadu dan berkumpulan yang baik dan berkesan.

Data-data ini yang telah dikumpulkan secara bulanan dan akan dinilai dan dianalisa mengikut sukuan tahun bagi mengenalpasti strategi untuk penambahbaikan. Pengukuran dan analisa ini akan dijadikan sebagai petunjuk berguna untuk hala tuju ketiga-tiga bidang ini (Lampiran 4.4.1.1)

Hasil penilaian ini akan dijadikan sebagai asas untuk menguruskan pengetahuan dan kemahiran berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan kepada para pensyarah. Kaedah penyampaian adalah samada FSK sendiri menganjurkan bengkel-bengkel berkaitan, atau FSK akan mengenalpasti bengkel-bengkel yang relevan yang dianjurkan oleh PTJ lain atau UiTM sendiri untuk dikongsikan kepada para pensyarah bagi membudayakan 3 bidang ini (Lampiran 4.4.1.2)

Melalui data-data ini juga dapat memberi peluang kepada FSK mengenalpasti pensyarah yang belum mencapai PI yang ditetapkan. Para pensyarah yang terlibat akan diberi peluang untuk mengikuti bengkel-bengkel dan akan dipantau progress mereka daripada masa ke semasa (Lampiran 4.4.2.3)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.1.pdf](#)
2. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.2.pdf](#)
3. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.3.pdf](#)
4. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.1.pdf](#)
5. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.2.pdf](#)
6. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.1.3.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

FSK telah mengenalpasti risiko pengukuran dan pengurusan pengetahuan berdasarkan kepada data yang dikumpulkan, perbandingan yang dijalankan dengan PTJ lain dan menerusi maklumbalas pelanggan menerusi hasil soal selidik pengurusan.

Antara risiko yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

1. Kesukaran mengumpulkan data berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan kerana sistem sedia ada agak kurang berkesan mengumpulkan data secara kolektif.
2. Kesukaran penyelidik menembusi geran penyelidikan industri dan antarabangsa dan bilangan penerbitan berindeks tidak pernah mencapai sasaran yang telah diletakkan oleh pihak BTU (Lampiran 4.4.2).
3. Kurang integrasi yang dilaksanakan bersama PTJ lain atau keseluruhan UiTM.

Setiap risiko yang dikenalpasti akan dikumpulkan, dibincang, dirujuk dan dianalisa bagi mengenalpasti langkah-langkah penambahbaikan agar kualiti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersial FSK dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dan dipertingkatkan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.2.pdf](#)
2. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.2.pdf](#)



#### **4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Hasil daripada analisa dan pemantauan data pencapaian serta risiko yang berkaitan dengan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan akan dibentangkan dalam mesyuarat kajian semula pengurusan fakulti dimana FSK telah mengkaji semula tindakan dan strategik FSK dalam usaha meningkatkan prestasi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (Lampiran 4.4.3.1)

Antaranya mewujudkan MEE (Mentor, Enforce and Execute) bertujuan membudayakan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dikalangan para pensyarah. Melalui program ini, pencapaian seseorang pensyarah dapat dinilai dan akan terus diberikan galakkan agar dapat membantu menyumbang kepada PI fakulti.

FSK juga telah menyusun strategi bagi menambahbaik perolehan geran dari sumber dalaman, nasional, swasta dan antarabangsa iaitu dengan memperkasakan hebahan berkaitan geran-geran yang dibuka, menyasarkan kepada staf baru yang berkelayakan PhD untuk permohonan geran, mempertingkatkan MOU/MOA bersama industri dan Universiti Antarabangsa dan memperkenalkan budaya 1 Pusat Pengajian, 1 Geran Industri & Antarabangsa.

FSK juga telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi meningkatkan bilangan penerbitan berindeks dikalangan staf akademik FSK, antaranya budaya Pensyarah 1 Jurnal Berindeks. Jom Publish, mengenegahkan "Final Year Project Article Writing Challenge dan bengkel-bengkel penulisan dan pemurnian manuskrip.

Disamping itu, penghargaan juga diberikan kepada para pensyarah yang berjaya mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan bagi meningkatkan motivasi diri.

(Lampiran 4.4.3.2)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.3.pdf](#)
2. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.3.pdf](#)
3. [F0042\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.4.3.1.pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Berdasarkan analisa data, kajian semula pegurusan dan risiko yang dikenalpasti, FSK telah berusaha menambabbaik strategi integrasi di luar fakulti atau PTJ dalam usaha meningkatkan prestasi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Antara usaha yang diwujudkan adalah perkongsian antara pusat-pusat pengajian dalam penyelidikan dan penerbitan bagi memastikan hasil kajian yang lebih komprehensif dan relevan. Usaha FSK meletakkan setiap pensyarah yang mempunyai PhD bagi mengetuai bidang ini dilihat lebih berkesan apabila terdapatnya integrasi antara pusat-pusat pengajian dalam menjana hasil kajian yang berimpak tinggi.

Selain daripada itu, FSK telah meningkatkan program usahasama dengan fakulti lain dan penganjuran symposium telah dijalankan sebagai usaha mewujudkan integrasi dan sinergi penyelidikan dikalangan pensyarah FSK.

Selain daripada itu, FSK juga telah berusaha mempertingkatkan visibility fakulti dan mengadakan jalinan kerjasama dengan pihak industry, komuniti serta universiti luar sebagai salah satu langkah FSK bagi menembusi geran penyelidikan industri dan antarabangsa.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_A01\\_AB05\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.5.1.pdf](#)
2. [F0042\\_A01\\_AB05\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.5.2.pdf](#)
3. [F0042\\_A01\\_AB05\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.5.3.pdf](#)
4. [F0042\\_A01\\_AB05\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.5.4.pdf](#)
5. [F0042\\_A01\\_AB05\\_20225\\_FSK\\_Lampiran Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan 4.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan: Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri yang terdiri daripada empat (4) orang staf pengurusan (Bukti 5.1.1a) dan 6 staf professional (Bukti 5.1.b) yang sentiasa berusaha meningkatkan kualiti kerja bagi kecemerlangan unit-unit di bawah TDPJI yang terdiri daripada:

- i. Unit penyelidikan & inovasi
- ii. Unit penerbitan, perundangan & kecemerlangan
- iii. Unit jaringan industry, masyarakat & alumni (ICAN)
- iv. Unit Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship (MASMED)
- v. Unit Pengurusan Klinik

Setiap unit ini juga mempunyai koordinator masing-masing (Bukti 5.1.1b) yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal mengikut KPI unit masing-masing.

Pelaksanaan: Setiap unit di bawah naungan TDPJI mempunyai system tadbir urus yang berbeza mengikut keperluan KPI unit masing-masing. Contohnya, di bawah unit penyelidikan & inovasi terdapat 8 ahli yang bermesyuarat setiap bulan (Bukti 5.1.2a & 5.1.2b) bagi menguruskan hal-hal yang melibatkan penyelidikan seperti:

- i. menilai dan meluluskan permohonan-permohonan etika dari FSK ke Jawatankuasa Etika Universiti di Shah Alam,
- ii. menilai, menambahbaik dan seterusnya menyokong permohonan geran dalaman dan luaran dari FSK untuk dimajukan,
- iii. menilai dan menambahbaik manuskrip makalah dari pensyarah-pensyarah FSK untuk diterbitkan di jurnal langganan FSK (*Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences: MJMHS* [Bukti 5.1.3]), dan
- iv. merancang langkah-langkah meningkatkan prestasi PJI Fakulti dari masa ke semasa

Pemantauan: Pemantauan adalah dijalankan dibawah unit masing-masing dan dijalankan secara berkala dari masa ke semasa. Contohnya, di bawah unit penyelidikan & inovasi, pemantauan dijalankan oleh Penolong Pendaftar Kanan, Pn Suhana Sulaiman setiap tiga (3) bulan. Beliau akan mendapatkan status prestasi terkini setiap pensyarah melalui ketua Pusat Pengajian dan kemudiannya akan memastikan setiap Pensyarah mengemaskini profil MyRA masing-masing (Bukti 5.1.4).

Tindakan penambahbaikan: Tindakan penambahbaikan juga di jalankan mengikut unit masing-masing di bawah PJI. Contohnya, di bawah unit penyelidikan & inovasi, latihan secara berkala mengenai semakan borang etika diberikan kepada para pensyarah. Bengkel-bengkel seperti ini dijalankan untuk melatih Pensyarah melengkapkan borang etika dengan lebih baik. Selain dari itu, pensyarah-pensyarah berpotensi untuk menerbitkan jurnal artikel juga dikenalpasti dan dimasukkan ke dalam program MEE (Mentor, Enforce, Execute) (Bukti 5.1.5a) dimana pensyarah-pensyarah berpotensi (Mentee) akan dibantu oleh Mentor masing-masing untuk menghasilkan penerbitan berindeks sebagai penulis utama atau *corresponding author*. Jawatankuasa kecil bagi menilai geran dalaman (contohnya geran DUCS) dan luaran (contohnya FRGS) juga di bentuk di bawah unit penyelidikan & inovasi bagi membantu para pensyarah menyediakan permohonan geran yang lebih berpotensi dan berdaya saing (Bukti 5.1.5b). Perkongsian daripada Pensyarah yang telah berjaya mendapatkan geran juga diadakan di peringkat fakulti (Bukti 5.1.5c).

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berikut merupakan beberapa langkah yang telah di ambil oleh bahagian PJI bagi mencapai seberapa banyak KPI Bahagian PJI. Dengan kata lain, Berikut merupakan pendekatan Bahagian PJI bagi memanfaatkan potensi dan kelebihan setiap Pensyarah untuk mencapai KPI PJI Fakulti.

Pertama, KPI Bahagian PJI fakulti adalah dibahagi secara adil mengikut setiap pusat pengajian. Seawal bulan Januari, TDPJI, PM Dr Nazri Che Dom telah mengadakan pertemuan bersemuka dengan pensyarah-pensyarah di setiap Pusat pengajian untuk menerangkan pendekatan ini. Secara terperinci, setiap pusat pengajian diberikan target secara adil bagi bilangan penerbitan (prosiding [PI60], jurnal berindeks [PI61], terbitan bersama industri [PI64], nasional [PI63] dan antarabangsa [PI65]), geran (dalaman, nasional, industry dan antarabangsa [PI71-76]) dan jaringan industri (PI84-89) yang perlu dicapai (Bukti 5.2.1).

Kedua, bermula dari tahun 2021 PJI FSK melanggan satu siri terbitan Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences (MJMHS, jurnal Q4 [Scopus]) dimana pengahantaran manuskrip oleh pensyarah-pensyarah FSK adalah ditanggung oleh Fakulti. Jawatankuasa juga dibentuk untuk membantu memperhalusi manuskrip yang telah disiapkan tetapi memerlukan bantuan. Projek ini telah berjaya menerbitkan 46 makalah (Bukti 5.2.2) dimana kesemuanya adalah daripada pensyarah-pensyarah FSK.

Ketiga, beberapa siri bengkel secara online dan bersemuka juga telah dijalankan bagi mengisi keperluan para pensyarah memenuhi KPI-KPI Jabatan masing-masing. Contohnya, pada 28/6/2021, ceramah "Gaya Penulisan Ilmiah: Artikel, Akhbar & Majalah" telah diadakan melalui platform google meet oleh PJI (Bukti 5.2.3). Penceramah luar juga dijemput dan program dibiaya penuh oleh Fakulti. Contohnya AP Dr Mohammed Abdullah Alshawsh dari Universiti Malaya telah dijemput untuk Bengkel 2-hari Systematic Review & Meta-Analysis for Medical/ Health intervention pada 22-23 September 2021 secara maya kepada hampir 100 orang pensyarah FSK.

Keempat, pensyarah yang berjaya menerbitkan makalah dan yang telah Berjaya memperolegi geran penyelidikan akan diiklankan di FB page FSK (Bukti 5.2.4a) dan kumpulan Whatsapp FSK (Bukti 5.2.4b). Tindakan sebegini dilihat dapat menaikkan semangat di kalangan pensyarah yang lain dan menghargai pensyarah yang telah bertungkus lumus menerbitkan makalah mereka.

Kelima, bahagian PJI juga ada memberikan insentif penerbitan (Bukti 5.2.5) kepada para pensyarah yang telah berjaya menerbitkan makalah mereka di jurnal-jurnal berimpak tinggi. Yuran penerbitan bagi jurnal berindeks Scopus/ WOS sebanyak RM1000 juga ditanggung oleh bajet penerbitan PJI.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_S01\\_SB02\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.1.1.pdf](#)
2. [F0042\\_S01\\_SB02\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.1.2.docx.pdf](#)
3. [F0042\\_S01\\_SB02\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.1.3.docx.pdf](#)
4. [F0042\\_S01\\_SB02\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.1.4.docx.pdf](#)
5. [F0042\\_S01\\_SB02\\_20225\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.1.5.docx.pdf](#)

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Bagi setiap unit di bawah PJI, peruntukan kewangan adalah diberikan dari segi latihan dan certification. Contohnya, di bawah jawatankuasa penyelidikan FSK, dua (2) ahli jawatankuasa (Bukti 5.3.1) telah dihantar bagi menghadiri kursus Malaysian Code of Responsible Conduct of Research (MCRCR) pada 19/8/2019 dan seterusnya mendudukan peperiksaan MCRCR. Kedua-dua ahli jawatankuasa telah lulus peperiksaan dan seterusnya dilantik menjadi ahli jawatankuasa bersekutu Jawatankuasa Etika UiTM di Shah Alam. Pelantikan ini secara tidak langsung akan memberi pendedahan dan latihan penilaian borang permohonan etika bagi meningkatkan kekuatan tenaga kerja di dalam jawatankuasa penyelidikan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_S01\\_SB03\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.2.1.pdf](#)
2. [F0042\\_S01\\_SB03\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.2.2.pdf](#)
3. [F0042\\_S01\\_SB03\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.2.3.pdf](#)
4. [F0042\\_S01\\_SB03\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.2.4.pdf](#)
5. [F0042\\_S01\\_SB03\\_20225\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.2.5&5.3.1.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSK mementingkan kemudahan perkhidmatan PJI yang efektif dan mengambil kira setiap keperluan pelanggan dalam aspek Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan. Sehubungan itu, pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) Fakulti Sains Kesihatan (FSK) telah menjalankan kaji selidik di kalangan warga FSK bagi mendapatkan maklumbalas tahap kepuasan dan pandangan mereka terhadap perkhidmatan pejabat PJI. Kaji selidik tersebut yang diketuai oleh Unit Kualiti FSK dengan mengambil kira tempoh satu (1) tahun perkhidmatan pengurusan PJI iaitu dari Jun 2020 sehingga Jun 2021. Mekanisma secara atas talian digunakan bagi mengadaptasi status keberadaan kakitangan sewaktu tempoh pandemik dimana pelantar media sosial telah digunakan bagi menyebarkan kaji selidik tersebut. (Bukti 5.4.1)

Kaji selidik tersebut telah dijalankan terhadap 144 orang kakitangan FSK, dimana responden tersebut berurusan dan menggunakan perkhidmatan di pejabat PJI secara konsisten. Hasil dapatan kaji selidik itu mendapati majoriti warga FSK (62.5%) bersetuju prestasi perkhidmatan PJI adalah berada di tahap cemerlang, manakala 34.7% menyatakan tahap baik, dan 2.8% tahap sederhana. Selain itu, sebanyak 52.1% warga FSK menunjukkan pejabat PJI cemerlang dalam menyediakan saluran komunikasi dan platform berhubung hal ehwal kemudahan, kebajikan dan pembangunan staf FSK.

Dapatan lain menunjukkan 56.3% warga FSK memberikan tahap cemerlang akan pengurusan pejabat PJI yang memberikan komitmen, daya usaha serta keberhasilan pengurusan perkhidmatan PJI. Walaubagaimanapun, separuh daripada warga FSK memberikan 49% tahap cemerlang kepada pejabat PJI dalam memberi penerangan secara objektif dan halatuju yang jelas bagi pelaksanaan Perancangan Strategik FSK 2020-2021. Begitu juga penyediaan ruang, peluang dan pelantar dalam menyampaikan maklumbalas kepada pejabat PJI, sebanyak 47.2% warga FSK memberikan markah cemerlang. Warga FSK (49.6%) turut bersetuju dimana pejabat PJI ditahap cemerlang dalam memberikan panduan dan dorongan untuk staf meningkatkan potensi dan pencapai diri dalam aspek PJI.

Namun begitu, pejabat PJI FSK sentiasa mengambil kira peratusan majoriti bagi tahap sederhana dan baik sebagai ruang menambahbaik perkhidmatan dari aspek memberikan panduan dan dorongan, meningkatkan komitmen dan daya usaha PJI, serta menyediakan pelantar dan ruang serta penerangan akan halatuju yang lebih efektif dimasa akan datang kepada warga FSK. Dapatan ini penting menjadi faktor yang mempengaruhi kearah pencapaian PI fakulti.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.4.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pejabat PJI mementingkan kelancaran sistem dan proses kerja dalam pengurusan perkhidmatan PJI. Sehubungan itu pengurusan PJI terbahagi kepada empat (4) unit utama bagi memastikan skop kerja dan peranan setiap unit pengurusan yang lebih sistematik dan efisien:

- Unit Penyelidikan & Inovasi
- Unit Penerbitan, Perundingan dan Kecemerlangan
- Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN)
- Unit *Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship* (MASMED)

Unit tersebut bertujuan melancarkan pengurusan penyelidikan dan jaringan industri disamping tugas kerja yang lebih teratur dan fokus. Selain itu juga memastikan keseimbangan bebanan kerja bagi setiap kakitangan pejabat PJI yang dilihat sebahagian daripada pengurusan risiko di pejabat yang mampu mengekang tekanan fizikal dan emosi kakitangan. Usaha tersebut termasuklah dalam memperhalusi pengagihan Performance Indicator (PI) tahunan bagi setiap pusat pengajian (PP) di FSK. Ianya diseimbangkan mengikut kategori penyelidikan, keperluan dan kemampuan dari aspek kapasiti sesuatu PP (bilangan ahli akademik dan penetapan trek) termasuklah pertimbangan bebanan kerja dan tenaga kerja dalam PP. (Bukti 5.4.2)

Pejabat PJI FSK telah mengklasifikasikan PI penerbitan minimum tahunan staf akademik FSK mengikut empat (4) trek utama: (i) penyelidikan; (ii) pengajaran dan pembelajaran; (iii) kepimpinan institusi; (iv) pengamal industri dan kategori penyelidik (*Leading Research* dan *Capable Research*). PI bagi setiap PP juga turut terbahagi kepada enam (6) komponen:

- Penerbitan
- Geran Penyelidikan
- Jumlah Geran Penyelidikan
- ICAN
- Bendahari
- MASMED

Prestasi Skor MyRA dan pencapaian geran penyelidikan juga antara bahan ukuran yang berteraskan pentaksiran untuk mengukur input, output, hasil dan impak Pembangunan, Penyelidikan, Pengkomersilan & Inovasi (RDCI) sesebuah universiti. FSK meletakkan sasaran untuk meningkatkan skor MyRA serta pencapaian dan impak geran tahunan yang menyumbang kepada pencapaian MyRA keseluruhan universiti dimana ianya faktor terpenting bagi penambahbaikan pengurusan PJI FSK. (Bukti 5.4.3). Pengurusan risiko dari aspek ini turut dilihat melalui jumlah geran yang telah diperolehi. (Bukti 5.4.4)

Penubuhan kumpulan 'FSK Rising Star' di pelantar Whatsapp menyatukan pensyarah muda FSK iaitu ianya usaha pengurusan risiko bagi pendedahan maklumat berkaitan penyelidikan, penerbitan, serta tawaran geran bagi mendidik dan membantu pensyarah muda lebih berdaya saing dalam penyelidikan. (Bukti 5.4.5)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.4.2.pdf](#)
2. [F0042\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.4.3.pdf](#)
3. [F0042\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.4.4.pdf](#)

4. [F0042\\_301\\_3D04\\_3002\\_20224\\_FSR\\_Lampiran Sumber Manusia\\_3.4.3.pdf](#)

5.



### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pejabat PJI sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan secara berterusan terutama dalam aspek menambahbaik sistem kerja serta proses kerja dalam pengurusan PJI. Ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan PJI yang lebih efisien buat warga FSK serta memberikan impak yang lebih fokus dengan mempertingkatkan prestasi PJI FSK. Ianya termasuklah tadbir urus PJI yang meliputi DUA (2) komponen utama iaitu: Penyelidikan; Jaringan Industri (Industri/Komuniti/Alumni).

Salah satu inisiatif terpenting yang dilakukan oleh pejabat PJI termasuklah mengendalikan mesyuarat tahunan bagi membincangkan halatuju PJI FSK berkaitan dua aspek yang dinyatakan terdahulu. (Bukti 5.4.6). Perbincangan utama termasuk pembentangan cadangan struktur dan senarai program PJI 2020-2022 dimana perbincangan halatuju tersebut memberi penjelasan dan pemahaman kepada kakitangan pejabat PJI serta untuk memperolehi sokongan penuh daripada seluruh warga FSK terutama ahli akademik dan para penyelidikan dalam penglibatan yang holistik bagi pencapaian objektif jabatan dan fakulti. Perlaksanaan halatuju PJI dalam tempoh dua (2) tahun tersebut turut didukung oleh empat (4) unit utama dalam pejabat PJI, iaitu:

- Unit Penyelidikan & Inovasi
- Unit Penerbitan, Perundingan dan Kecemerlangan
- Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN)
- Unit Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship (MASMED)

Susulan timbal balas daripada gerak kerja yang telah dilaksanakan dengan jayanya, FSK telah menyalurkan penghargaan atas titik peluh usaha kakitangan FSK melalui penganjuran Majlis Anugerah Kualiti 2021 (MAK), Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), kenaikan pangkat dan surat penghargaan. Penghargaan ini dizahirkan sebagai menyuntik motivasi kakitangan FSK untuk lebih melibatkan diri dan komited terhadap pencapaian objektif jabatan. Sebagai contoh, dalam pengajuran MAK 2021 memperlihatkan beberapa anugerah yang mempertandingkan aspek PJI. Anugerah tersebut termasuklah Anugerah Inovasi & Pengkomersilan Produk, Penerbitan Makalah Jurnal Berimpak Tinggi, Penerbitan Buku, Penyelidik Harapan Terbaik, Penulis Jurnal Terbaik, dan sebagainya. (Bukti 5.4.7)

Antara timbal balas lain hasil gerak kerja penyelidikan oleh warga FSK, penghargaan diberikan melalui Writing Challenge yang meraikan penulis yang menghantar manuskrip ke jurnal berindeks dengan bilangan terbanyak. Insentif berbentuk wang ringgit diberikan sebagai penghargaan. (Bukti 5.4.8)

Bengkel internal reviewer 2021 antara salah satu inisiatif sistem kerja yang membantu panel penilai borang permohonan etika agar proses kelulusan etika peringkat fakulti berjalan lebih lancar dan penyelidik dapat segera memulakan penyelidikan masing-masing. (Bukti 5.4.9)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.4.6.pdf](#)
2. [F0042\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.4.7.pdf](#)
3. [F0042\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.4.8.pdf](#)
4. [F0042\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.4.9.pdf](#)
- 5.

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sebagai sebuah jabatan yang membudayakan inovasi, pejabat PJI FSK turut menyediakan beberapa inisiatif sebagai mekanisma untuk mengintegrasikan pengurusan PJI FSK yang lebih efisien seterusnya membantu kakitangan mencapai PI sasaran. Salah satu daripada mekanisma tersebut termasuklah penubuhan Program *Mentor-Enforce-Execute* (MEE 2021) dimana ianya adalah Inisiatif *Strategic Action Plan* (SAP) 2021 yang menasaskan dan membantu pensyarah Gred DM51/52 bagi penghasilan penerbitan berindeks. (Bukti 5.5.1). Program ini diketuai oleh Timbalan Dekan PJI yang melantik penyelidik prolific dikalangan Profesor dan Profesor Madya sebagai Mentor kepada kumpulan sasaran ini. Tugasannya merangkumi mentor membantu ahli mentee kumpulan masing-masing untuk menyediakan dan menghantar manuskrip sebagai penulis utama /*corresponding author*.

Terdapat inisiatif PJI yang lain termasuklah penganjuran Bengkel Penilaian Borang Etika yang menasaskan penilai-penilai dalaman fakulti. Penganjuran ini bertujuan memastikan penilai dalaman lebih jelas akan proses permohonan etika serta kriteria penilaian yang akhirnya proses penilaian kertas cadangan dan etika akan menjadi lebih efisien dan cekap.

Selain itu, bagi menyahut sasaran dan mencapai halatuju PJI FSK seperti yang dinyatakan di atas, beberapa mekanisma inovatif dan interaktif turut diwujudkan iaitu takwim tahunan penghantaran kertas cadangan penyelidikan, takwim dan proses pengurusan etika penyelidikan di peringkat fakulti, takwim geran dalaman, serta infografik proses penerbitan hasil penyelidikan kedalam *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences (MJMHS)* yang menerangkan tentang garis panduan penerbitan. (Bukti 5.5.2, 5.5.3, 5.5.4, 5.5.5)

Mekanisma ini diwujudkan setelah meneliti keperluan dan perancangan oleh penyelidik dan kakitangan akademik dalam menjalankan penyelidikan serta penerbitan hasil kajian mereka. Ianya dilihat sebagai suatu inovasi yang memudahkan dan mendorong lebih ramai penyelidik untuk terus merancang serta menyumbang dalam aspek penyelidikan. Selain itu, dengan perlantikan beberapa kakitangan akademik FSK ke dalam jawatankuasa MJMHS dilihat sebagai batu loncatan untuk kakitangan akademik lebih menceburkan diri ke dalam aktiviti penerbitan kajian dalam MJMHS.

Antara kaedah lain oleh pengurusan PJI dalam memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kakitangan akademik adalah dengan penganjuran Article Writing Challenge 2021 yang memberi penghargaan kepada penulis akademik yang menghantar artikel penulisan terbanyak dengan pemberian imbuhan. Kaedah ini dilihat menggalakkan penghasilan penulisan yang lebih lagi pada masa akan datang.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_S01\\_SB05\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.5.1.pdf](#)
2. [F0042\\_S01\\_SB05\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.5.2.pdf](#)
3. [F0042\\_S01\\_SB05\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.5.3.pdf](#)
4. [F0042\\_S01\\_SB05\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.5.4.pdf](#)
5. [F0042\\_S01\\_SB05\\_20225\\_FSK\\_Lampiran Sumber Manusia\\_5.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tumpuan kepada operasi kali ini berlandaskan kepada beberapa pendekatan (**engagement**) yang sangat efisien, meliputi beberapa strategi. Antara mekanisma yang dijalankan adalah melalui komunikasi (**communication**) yang jelas dari pihak Fakulti kepada seluruh warga FSK berkenaan Penunjuk Prestasi (performance indicator, PI) yang perlu dicapai oleh Fakulti. Selain itu, delegasi kerja (**task delegation**) yang efisien melalui samada Pusat Pengajian atau secara individu iaitu dengan mensasarkan staf akademik yang baru melapor diri untuk menghasilkan minimum 2 jurnal berindeks di bawah program FSK Rising Star, dan mensasarkan setiap staf akademik menerbitkan sekurang-kurangnya 1 jurnal berindeks setahun (FSK Hero). Pengurusan risiko (**risk management**) dan pemantauan sentiasa dilakukan bagi mengenalpasti tahap pencapaian setiap individu dan Pusat Pengajian ke arah mencapai matlamat Fakulti. Melalui risiko yang dikenalpasti, pemerkasaan (**empowerment**) serta pengukuhan (**reinforcement**) terhadap kemahiran dan ilmu berkenaan penyelidikan dan pengkomersialan dipertingkatkan dengan menyediakan skim pembiayaan serta insentif penerbitan artikel jurnal berindeks Scopus/WOS dan Penerbitan buku, menjalinkan kerjasama penerbitan bersama dengan kampus cawangan dan industri luar, inisiatif menerbitkan 'Final Year Project' di kalangan pelajar sarjana muda dan mengadakan program T2B (thesis to book), serta penerangan berkenaan penerbitan buku. Sebagai ganjaran dan penghargaan ke atas akauntabiliti (**accountability**) dan integriti (**integrity**) setiap staf Fakulti yang berjaya mencapai PI yang ditetapkan, mereka diberikan skor di dalam MyATP serta melalui hebahan di dalam media sosial yang secara tidak langsung, menyuntik semangat kepada staf Fakulti yang lain. Ironinya, segala tumpuan kepada operasi ini berperanan bagi membantu merealisasikan tema strategik penyelidikan seperti yang termaktub di dalam dokumen Pelan Strategik UiTM2025.

## **6.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Terdapat beberapa proses utama yang membawa kepada pendekatan bagi menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Ini dapat dibahagikan kepada proses untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang seperti dilampirkan di FSK\_Operasi\_6.2.1 (Pendekatan) dan FSK\_Operasi\_6.2.2 (Aktiviti Penyelidikan & Inovasi)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_O01\\_OB02\\_20221\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.2.1.pdf](#)
2. [F0042\\_O01\\_OB02\\_20222\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.2.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan kali ini menggunakan model yang sangat sinonim iaitu “Reward and Punishment Model” atau disebut sebagai “Model Ganjaran dan Hukuman”. Ganjaran dan hukuman dalam sesebuah organisasi adalah merujuk kepada terutamanya berkaitan dengan gaji dan peluang kenaikan pangkat. Fungsi pemberian anugerah adalah untuk menghargai tingkah laku yang bertujuan untuk mencapai matlamat organisasi, namun penalti direka untuk menghapuskan tingkah laku yang menghalang pencapaian mereka yang seterusnya mempengaruhi pencapaian matlamat organisasi. Di FSK, matlamat utama adalah untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti dalam penyelidikan dan pengkomersialan. Ganjaran dan hukuman di dalam FSK, terutamanya sangat berkaitan dengan kenaikan pangkat yang direfleksikan melalui skor ‘performance’ melalui MyATP, selaras dengan memenuhi keperluan menaikkan MYRA UiTM. Walaubagaimanapun, amalan yang dipraktikkan bagi hukuman di FSK adalah merujuk kepada ‘reinforcement’ atau pengukuhan. Sebagai contoh, staf yang tiada penerbitan, akan dirujuk kepada system Monitor-Enforce-Execute (MEE), di mana mereka diagihkan kepada seorang mentor untuk membimbing proses penerbitan selain daripada diberikan perkongsian ilmu melalui bengkel penulisan manuskrip atau persediaan permohonan geran nasional/internasional. Proses ganjaran adalah seperti penganugerahan di Hari Kualiti bagi menghargai usaha staf dalam penyelidikan dan pengkomersialan dan hebahan di media sosial khususnya seperti Facebook Fakulti Sains Kesihatan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan semangat dan daya saing secara sihat di kalangan staf akademik.

Secara amnya, dipersetujui bahawa sistem ganjaran dan pengukuhan di FSK adalah diringkaskan seperti dalam Lampiran FSK\_Operasi\_6.3.1, di mana contoh proses pengukuhan adalah seperti dalam Lampiran FSK\_Operasi\_6.3.2, dan Lampiran FSK\_Operasi\_6.3.3. Manakala, proses ganjaran adalah seperti Anugerah Hari Kualiti 2021 (Lampiran FSK\_Operasi\_6.3.4) dan hebahan di media sosial Facebook FSK (Lampiran FSK\_Operasi\_6.3.5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_O01\\_OB03\\_20221\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.3.1.pdf](#)
2. [F0042\\_O01\\_OB03\\_20222\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.3.2.pdf](#)
3. [F0042\\_O01\\_OB03\\_20223\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.3.3.pdf](#)
4. [F0042\\_O01\\_OB03\\_20224\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.3.4.pdf](#)
5. [F0042\\_O01\\_OB03\\_20225\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi meningkatkan dan memastikan objektif dan inisiatif strategik tercapai, FSK juga telah menjalankan beberapa pemantauan seperti di dalam Lampiran FSK\_Operasi\_6.4.1.1. Ini dapat dibahagikan kepada pemantauan sendiri (Sendiri), berpasukan (mengikut kumpulan pusat pengajian) dan juga secara keseluruhan. Di awal tahun dan juga pada setiap kali sukuan tahunan, hebahan berkenaan agihan penunjuk prestasi (performance indicator, PI) seringkali dipaparkan kepada semua pensyarah (Lampiran FSK\_Operasi\_6.4.1.2). Pemantauan di peringkat Pusat Pengajian dan Fakulti seringkali dijalankan bagi memastikan sasaran sukuan tahunan tercapai (Lampiran FSK\_Operasi\_6.4.1.3). Secara individu pula, setiap pensyarah juga sentiasa diingatkan tentang tugas dan tanggungjawab dalam mencapai aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan mereka (Lampiran FSK\_Operasi\_6.4.1.4). Staf yang tidak mencapai PI akan dikenalpasti sebagai denominator dan akan ditempatkan dalam program MEE bagi tujuan pemantauan berterusan dan bersifat lokaliti serta disediakan pelbagai perkongsian ilmu berkenaan penulisan dan penyelidikan (Lampiran FSK\_Operasi\_6.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0042\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20221\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.4.1.1.pdf](#)
2. [F0042\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20222\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.4.1.2.pdf](#)
3. [F0042\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20223\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.4.1.3.pdf](#)
4. [F0042\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20224\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.4.1.4.pdf](#)
5. [F0042\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20225\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.4.1.5.pdf](#)

## **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Berikut adalah risiko yang dikenalpasti dan dibahagikan kepada empat faktor utama iaitu ahli penyelidik, infrastruktur, 'research integrity' dan pemegang taruh (stakeholders) (Lampiran FSK\_Operasi\_6.4.2.1). Manakala, berikut adalah penjelasan terperinci berkenaan yang dikenalpasti yang mungkin menjadi halangan bagi fakulti untuk bergerak ke hadapan dari segi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (Lampiran FSK\_Operasi\_6.4.2.2).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20221\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.4.2.1.pdf](#)
2. [F0042\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20222\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.4.2.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### **6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Berdasarkan empat (4) faktor risiko utama yang telah dikenalpasti (Lampiran FSK\_Operasi\_6.4.3.1), pencapaian Penunjuk Prestasi (PI) Fakulti sentiasa dilaporkan secara berkala mengikut sukuan Q1, Q2, Q3 dan Q4 di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif bagi mengetahui tahap pencapaian Fakulti serta mengenalpasti masalah yang timbul semasa proses pencapaian dan tindakan penambahbaikan yang boleh dijalankan (Lampiran FSK\_Operasi\_6.4.3.2). Pelbagai kaedah telah diaplikasikan ke dalam sistem bagi tujuan penambahbaikan berdasarkan kategori risiko yang dikenalpasti seperti di dalam lampiran FSK\_Operasi\_6.4.3.3 berikut.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20221\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.4.3.1.pdf](#)
2. [F0042\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20222\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.4.3.2.pdf](#)
3. [F0042\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20223\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.4.3.3.pdf](#)
- 4.
- 5.



## **6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pelbagai tindakan penambahbaikan berterusan dan inovasi telah dijalankan dari masa ke semasa dan data berkenaan juga dikumpul dengan efisien melalui hebahan secara berterusan. Selain itu, lebih ramai staf juga dilantik dan jawatan baru diwujudkan supaya pembahagian kerja adalah sistematik bagi memastikan pengumpulan data yang efisien dapat dijalankan (rujuk Lampiran FSK\_Operasi\_6.5.1 Carta Organisasi PJI). Penunjuk prestasi (PI) Fakulti berkaitan penyelidikan dan pengkomersialan serta agihan PI kepada setiap Pusat Pengajian juga dihebahkan kepada semua staf fakulti (rujuk Lampiran FSK\_Operasi\_6.5.2). Staf juga sentiasa diingatkan dan diberi galakan untuk terlibat aktif di dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Antara kaedah yang digunakan bagi menggalakkan penglibatan staf dalam aktiviti penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan adalah melalui pemberian insentif penerbitan bagi jurnal berindeks Q1-Q4, pembiayaan yuran penerbitan sehingga RM 1500 per artikel (Lampiran FSK\_Operasi\_6.5.3), serta hebahan berkenaan kejayaan staf dalam bidang penyelidikan & pengkomersialan melalui media sosial seperti Whatsapp, Wacana FSK, Facebook rasmi Fakulti Sains Kesihatan (Lampiran FSK\_Operasi\_6.5.4). Impak daripada penambahbaikan berterusan dan inovasi yang dilaksanakan di peringkat Fakulti membuahkan hasil yang positif di mana skor MyRA Fakulti telah meningkat daripada 54.61 pada tahun 2020 ke 61.47 bagi tahun 2021 (Lampiran FSK\_Operasi\_6.5.5).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0042\\_O01\\_OB05\\_20221\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.5.1.pdf](#)
2. [F0042\\_O01\\_OB05\\_20222\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.5.2.pdf](#)
3. [F0042\\_O01\\_OB05\\_20223\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.5.3.pdf](#)
4. [F0042\\_O01\\_OB05\\_20224\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.5.4.pdf](#)
5. [F0042\\_O01\\_OB05\\_20225\\_LAMPIRAN FSK\\_Operasi\\_6.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Perancangan Strategik

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM melalui misinya telah menetapkan bahawa salah satu daripada hala tuju adalah untuk mempertingkatkan bidang penyelidikan di kalangan warga UiTM. Sehubungan dengan itu, FSK melalui perancangan strategiknya telah menjadikan pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan sebagai satu bidang tumpuan utama. Bagi tahun 2021, FSK melalui bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, telah meletakkan 3 strategi utama bagi menyokong pencapaian sasaran perancangan strategik FSK iaitu:

- meningkatkan perolehan geran
- meningkatkan keterlibatan pensyarah
- meningkatkan pengkomersialan

Berdasarkan strategi utama tersebut beberapa rangka tindakan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau bagi memastikan objektif yang disasarkan berjaya dicapai dengan jayanya. Hasil daripada perancangan strategik yang dilaksanakan dapat dilihat melalui kejayaan FSK meningkatkan jumlah geran terkumpul, bilangan penerbitan dan inovasi pada tahun 2021.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0042\\_HB02\\_20221\\_FSK\\_Lampiran Hasil 7.1 Tahap.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0042\\_HB03\\_20222\\_FSK\\_Lampiran Hasil 7.1 Tren.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0042\\_HB04\\_20223\\_FSK\\_Lampiran Hasil 7.1 Perbandingan.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0042\\_HB05\\_20224\\_FSK\\_Lampiran Hasil 7.1 Kepentingan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil dari Kriteria Sumber Manusia

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sumber manusia ditakrifkan sebagai sebuah kumpulan kakitangan dalam sesebuah organisasi. Sumber manusia yang berkualiti adalah elemen terpenting dalam memastikan sesebuah organisasi itu dapat terus berdaya saing dan berdaya tahan serta berjaya dimasa hadapan. Diantara faktor yang menyumbang kepada kejayaan Bahagian PJI FSK adalah kekuatan sumber manusianya. Kerja keras daripada staf pentadbiran dan pengurusan PJI serta sokongan dan kerjasama yang padu yang diberikan oleh warga akademia FSK telah meningkatkan prestasi bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSK. Pelbagai usaha dijalankan bagi tujuan tersebut.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0042\\_HB02\\_20221\\_FSK\\_KRITERIA 7\\_HASIL 2\\_TAHAP.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0042\\_HB03\\_20222\\_FSK\\_KRITERIA 7\\_HASIL 2\\_TREN.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0042\\_HB04\\_20223\\_FSK\\_KRITERIA 7\\_HASIL 2\\_PERBANDINGAN.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0042\\_HB05\\_20224\\_FSK\\_KRITERIA 7\\_HASIL 2\\_KEPENTINGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Utama dari Tumpuan Operasi

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Seksyen ini melaporkan keberkesanan inisiatif FSK dalam kecekapan operasi bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Proses operasi menumpukan kepada hasil dari proses pemantapan geran proposal dan penulisan jurnal berimpak tinggi, proses bengkel penulisan dan penerbitan *in house* dan kolaborasi, proses pemilihan kontinjen FSK ke pertandingan inovasi penyelidikan dan proses pengumpulan data MyRA. Hasil utama yang dibincangkan adalah tahap, tren, perbandingan dan kepentingan dari segi penerbitan, geran penyelidikan, hak cipta, inovasi dan skor MyRA. Antara kaedah yang digunakan bagi menggalakkan penglibatan staf dalam aktiviti penerbitan, penyelidikan dan inovasi adalah melalui bengkel penulisan, pemberian insentif penerbitan bagi jurnal berindeks Q1-Q4, pembiayaan yuran penerbitan sehingga RM 1500 per artikel, serta hebahan melalui media sosial seperti Wacana FSK dan Facebook rasmi FSK. Impak daripada penambahbaikan berterusan dan inovasi yang dilaksanakan di peringkat Fakulti membuahkan hasil yang positif di mana skor MyRA Fakulti telah meningkat daripada 54.61% (3 bintang) pada tahun 2020 kepada 61.47% (4 bintang) bagi tahun 2021.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0042\\_HB02\\_20221\\_FSK\\_Kriteria 7\\_Hasil 3\\_Tahap.pdf](#)

#### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0042\\_HB03\\_20222\\_FSK\\_Kriteria 7\\_Hasil 3\\_Tren.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0042\\_HB04\\_20223\\_FSK\\_Kriteria 7\\_Hasil 3\\_Perbandingan.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0042\\_HB05\\_20224\\_FSK\\_Kriteria 7\\_Hasil 3\\_Kepentingan.pdf](#)